

NBD MENERUSKAN PERLAWANAN POLO BAGI 'HIGH GOAL'



Oleh : Dk. Hajah Naqayatul Akma
Pg. Haji Ali

BANGKOK, THAILAND,
Sabtu, 13 Disember. -
Pasukan Polo Negara
Brunei Darussalam (NBD)
hari ini meneruskan lagi
Perlawanan Polo bagi
high goal pada Sukan Asia
Tenggara (Sukan SEA) Ke-33, 2025
menentang Pasukan Polo Thailand yang
berlangsung di Padang Vs Sports Club &
Siam Polo Park, Bangkok, Thailand.

>> Muka 3

DULI Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Muda 'Abdul Mateen ibni Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanul Bolkia Mu'izzaddin Waddaulah dan Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Anak Puteri 'Azemah Ni'matul Bolkia binti Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanul Bolkia Mu'izzaddin Waddaulah berkenan mewakili Pasukan Polo Negara Brunei Darussalam pada perlawanan berkenaan. - Foto : Mohammad Hasif Matzin.

Foto : Mohammad Hasif Matzin.

**Memperkuat sistem,
meningkatkan
kompetensi
pengajar,
pemimpin TVET**

■ Oleh : Haniza Abdul Latif

GADONG, Sabtu, 13 Disember. - Pusat Serantau SEAMEO bagi Pendidikan dan Latihan Vokasional dan Teknikal (SEAMEO VOCTECH, SV), pagi tadi, menerima Lawatan Rasmi dari Menteri Pendidikan, Yang Berhormat Datin Seri Setia Dr. Hajjah Romaizah binti Haji Md. Salleh.

Lawatan tersebut diadakan atas kapasiti Yang Berhormat Menteri Pendidikan selaku Presiden Majlis SEAMEO bagi penggal 2025-2027, selaras dengan mandat rasmi jawatan tersebut untuk memperkukuh kerjasama serantau dalam kalangan Negara Anggota SEAMEO.

Sebagai sebahagian daripada mandat SEAMEO ini, Yang Berhormat mengadakan kunjungan hormat dan lawatan rasmi ke Pusat Serantau dan Rangkaian SV bagi mengukuhkan perkongsian serta memajukan matlamat bersama dalam bidang pendidikan dan pembangunan sumber manusia di seluruh Asia Tenggara.

Ketibaan Yang Berhormat
dialu-alukan oleh Pengarah Pusat
SV, Awang Haji Noriemee Jenek.

>> Muka 4

Meningkatkan keterhubungan, keupayaan pengendalian kargo negara

■ Oleh : Khartini Hamir

MUARA, Sabtu, 13 Disember. - Muara Port Company Sendirian Berhad (MPC) hari ini mencatat satu lagi pencapaian penting dalam pembangunan sektor maritim dan logistik Negara Brunei Darussalam (NBD) dengan berlangsungnya persinggahan sulung Shandong International Transportation Corp (SITC) dan Warisan Shipping Line (WSL) yang diadakan di Cruise Ship Centre (CSC).

Pencapaian ini mencerminkan peningkatan keyakinan rakan serantau dan antarabangsa terhadap keupayaan

Pelabuhan Muara serta peranannya yang semakin berkembang sebagai pintu masuk logistik serantau.

Majlis tersebut disempurnakan bersama oleh Menteri di Jabatan Perdana Menteri (JPM) dan Menteri Kewangan dan Ekonomi II, Yang Berhormat Dato Seri Setia Dr. Awang Haji Mohd. Amin Liew bin Abdullah bersama Menteri Pengangkutan dan Infokomunikasi, Yang Berhormat Pengiran Dato Seri Setia Shamhary bin Pengiran Dato Paduka Haji Mustapha.

>> Muka 3

Inovasi digital pemacu pembangunan luar bandar

Siaran Akhbar : Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan

BANGKOK, THAILAND, Sabtu, 13 Disember. - Menteri Kebudayaan, Belia dan Sukan, Yang Berhormat Dato Seri Setia Awang Haji Nazmi Mohamad menghadiri Mesyuarat Menteri-menteri ASEAN mengenai Pembangunan Luar Bandar dan Pembasmian Kemiskinan (AMRDPE) Ke-14 di Bangkok, Thailand.

Mesyuarat yang diadakan pada 12 Disember 2025 itu bertemakan 'Memajukan Pembangunan Luar Bandar yang Inklusif melalui Inovasi, Kearifan Lokal dan Pelaksanaan Komuniti untuk Pembasmian Kemiskinan Mampu di ASEAN'.

Mesyuarat dipengerusikan oleh Timbalan Menteri, Ministry of Interior, Thailand.

Puan Yang Terutama Sasithorn Kittidhrakul.

Pada mesyuarat tersebut, Yang Berhormat Menteri Kebudayaan, Belia dan Sukan antara lain menekankan kepentingan inovasi digital sebagai pemacu utama pembangunan luar bandar dan mengongsikan amalan terbaik negara melalui Sistem Kebajikan Negara (SKN) yang telah membolehkan intervensi yang lebih tersasar dan berimpak dengan mengintegrasikan data kemiskinan secara menyeluruh.

>> Muka 6


 IKUTI KAMI DI APLIKASI MUDAH ALIH
InfoDeptBN
 Pelita Brunei | pelitabrunei | pelitabrunei

Berita Utama



MEMELIHARA tradisi serumpun,
memastikan warisan budaya
berkembang

Muka 5



PERJALANAN Konvoi tingkatkan keselamatan, pematuhan jalan raya

Muka 9



PUPUK kesedaran sivik, semangat kesukarelawanan

Muka 10



PERNIAGAAN makanan beku keluarga

Muka 19

Kementerian terus perbaiki status kesihatan rakyat melalui pendekatan Whole of Nation

Bismillahir Rahmanir Rahim
Alhamdulillah Rabbil 'Alameen,
Wassalaatu Wassalaamu 'Ala
Sayyidina Muhammaddin,
Asyarafil Anbiya'e Wal Mursalin
Wa'ala Alihi Wasahbihi Ajma'in
Assalamu'alaikum Warahmatullahi
Wabarakatuh dan Selamat Sejahtera

ALHAMDULILLAH, bersyukur kita ke hadirat Allah Subhanahu Wata'ala, kerana dengan taufik dan izin-Nya jua kita sama-sama dapat hadir pada Sesi Muzakarah bersama Yang Berhormat Ahli-ahli Majlis Mesyuarat Negara (MMN) dan diucapkan junjung kasih / terima kasih di atas kehadiran semua pada pagi ini.

Peramba / kaola bagi pihak Kementerian Kesihatan sangat berbesar hati ke atas keprihatinan Ahli-ahli Yang Berhormat berkunjung ke Epidemic Intelligence and Response Unit (EIRU) di bawah Kementerian Kesihatan dan EVYD Technology, Kampung Jerudong di hujung tahun 2025 ini, untuk meninjau dengan lebih dekat lagi dan membahaskan perkhidmatan-perkhidmatan di Kementerian ini agar lebih menyeluruh dan mampan. Peramba / kaola yakin bahawa Ahli-ahli Yang Berhormat sedikit sebanyak dapat memberikan pendapat-pendapat yang bernas dan yang akan membantu menaik tambah kualiti perkhidmatan-perkhidmatan yang dihulurkan oleh kementerian ini dalam ekosistem kesihatan.

EIRU, ditubuhkan pada 1 November 2023, merupakan satu unit strategik yang ditubuhkan di bawah Kementerian Kesihatan dengan tujuan memperkukuh

kesiapsiagaan negara terhadap ancaman penyakit berjangkit serta meningkatkan keupayaan pengawasan kesihatan awam. Unit ini memainkan peranan penting dalam mengesan, menganalisis dan memberi maklum balas terhadap wabak secara lebih cepat dan berkesan, selaras dengan usaha negara untuk memperkukuh sistem kesihatan melalui pendekatan berpanduan data dan penggunaan teknologi moden.

EIRU beroperasi dalam ekosistem MOH Intelligence Hub yang ditempatkan di bangunan ini. Infrastruktur ini membolehkan integrasi teknologi data kesihatan, analitik lanjutan, dan saluran komunikasi yang lebih berpusat, menjadikannya pusat utama untuk pengumpulan dan pemprosesan maklumat kesihatan pada skala nasional. Pengalaman semasa pandemik global menekankan keperluan untuk mengadakan sebuah unit khas untuk menggabungkan data klinikal, makmal dan *intelligence* epidemiologi bagi meningkatkan keupayaan tindak balas kesihatan awam.

Kementerian Kesihatan sentiasa giat dalam usaha untuk memastikan perbelanjaan yang berhemah dan pengurusan kos yang lebih efektif bagi mewujudkan sistem kesihatan masa depan yang berdaya tahan. Walau bagaimanapun, peningkatan kos masih belum dapat dielakkan mengambil kira kenaikan kos penjagaan kesihatan dengan ubat-ubatan dan peralatan perubatan yang semakin canggih serta peningkatan bilangan pesakit menghidap penyakit-penyakit kronik.

Demi memastikan peningkatan kos jangka masa panjang dapat dikawal, strategi

kementerian ini juga ditumpukan kepada langkah-langkah pencegahan dan pengesanan awal. Antara lain adalah mengadakan kempen pencegahan serta kesedaran kesihatan kepada orang awam melalui program-program promosi kesihatan, program vaksinasi dan meningkatkan program saringan awal penyakit-penyakit tidak berjangkit seperti kardiovaskular, diabetes dan kanser. Peningkatan penyakit-penyakit ini banyak dikaitkan dengan perubahan gaya hidup masyarakat terutama sekali dalam pengambilan makanan yang tidak seimbang dan berlebihan, merokok dan *vaping*, kurangnya membuat aktiviti luar dan peningkatan masalah kesihatan mental.

Pelaksanaan Program Saringan Kesihatan Kebangsaan (NHSP) terus mencatat kemajuan. Peralihan daripada Ujian Pap Smear kepada Ujian HPV mulai Ogos 2024, ujian HPV secara rasmi menggantikan saringan Pap Smear di seluruh negara. Kaedah yang disyorkan WHO ini mengesan jangkitan HPV berisiko tinggi lebih awal berbanding ujian sitologi (melalui sampel yang diperoleh melalui Pap Smear). Wanita kini boleh melakukan pengambilan sampel sendiri tanpa penggunaan spekulum, menjadikan proses saringan lebih selesa dan mudah diakses.

Peralihan ini secara langsung menyokong strategi penghapusan WHO 90-70-90 (sasaran global WHO untuk menghapuskan kanser serviks menjelang tahun 2030) dan mengukuhkan komitmen Brunei di bawah SDG 3 (Kesihatan dan Kesejahteraan) serta SDG 5 (Kesaksamaan Gender). Selain itu,



MENTERI Kesihatan, Yang Berhormat Dato Seri Setia Dr. Awang Haji Mohammad Isham bin Haji Jaafar semasa berucap pada Sesi Muzakarah Ahli-ahli Majlis Mesyuarat Negara bersama Kementerian Kesihatan yang berlangsung pada Selasa, 25 November 2025, bertempat di Epidemic Intelligence and Response Unit (EIRU) dan EVYD Technology, Kampung Jerudong.

latihan dan pembangunan kapasiti turut diperkasa bagi mendukung usaha ini, di mana seramai 27 orang jururawat dari Perkhidmatan Penjagaan Kesihatan Asasi telah menjalani latihan pengambilan sampel sendiri untuk ujian HPV, memastikan kesiapsiagaan bagi pelaksanaan saringan di seluruh negara. Inisiatif pembangunan kapasiti berterusan dirancang bagi memastikan jaminan kualiti, pemantauan data, dan penglibatan pesakit.

>> Muka 6



WAKTU SEMBAHYANG

DISEMBER MASIH	HARI	JAMADILAKHIR HIJRAH	IMSAK	SUBUH	SYURUK	DUHA	ZUHUR	ASAR	MAGHRIB	ISYAK
15	ISNIN	24	4.47	4.57	6.20	6.44	12.16	3.38	6.10	7.25
16	SELASA	25	4.47	4.57	6.21	6.45	12.17	3.39	6.11	7.26
17	RABU	26	4.47	4.57	6.21	6.45	12.17	3.39	6.11	7.26
18	KHAMIS	27	4.48	4.58	6.22	6.46	12.18	3.40	6.12	7.27
19	JUMAAT	28	4.48	4.58	6.22	6.46	12.18	3.40	6.12	7.27
20	SABTU	29	4.49	4.59	6.23	6.47	12.19	3.41	6.13	7.28
21	AHAD	30	4.49	4.59	6.23	6.47	12.19	3.41	6.13	7.28

Waktu-waktu sembahyang bagi Daerah Tutong ditambah 1 minit dan Daerah Belait ditambah 3 minit

RAMALAN CUACA 3 HARI



ISNIN		SELASA		RABU	
Bandar Seri Begawan					
32 24 °C		32 24 °C		32 24 °C	
Pekan Bangar					
30 24 °C		31 25 °C		30 24 °C	
Pekan Tutong					
31 25 °C		31 24 °C		30 24 °C	
Kuala Belait					
30 24 °C		31 24 °C		30 24 °C	

Wallahuallam Bissawab
Sumber : Perkhidmatan Kaji cuaca Brunei Darussalam, Kementerian Pengangkutan dan Infokomunikasi

www.mef.gov.bn

SIDANG PENGARANG 15 DISEMBER 2025

Sokongan berterusan untuk usahawan muda

KITA sudah berada di hujung tahun dan setentunya akan menempuhi tahun baharu tidak lama lagi. Apa yang hendak diperkatakan di sini bukanlah tentang azam dan cita-cita baharu tetapi tentang wawasan anak-anak muda yang semakin inovatif, bergerak maju untuk mencipta kejayaan demi *survival* kehidupan. Tahun demi tahun perkembangan anak-anak muda semakin berani dengan kepercayaan dan kemampuan masing-masing untuk mewujudkan peluang pekerjaan sendiri.

Seiring dengan era globalisasi yang bergerak pantas, begitulah juga para belia kita terutama sekali usahawan muda yang terus bergerak ke hadapan, menongkah arus cabaran semata-mata untuk memenuhi impian dalam meraih kejayaan. Belia kita sekarang kebanyakannya banyak yang sudah membuka mata dengan membuka usaha sendiri tanpa mengharap pekerjaan dari sektor kerajaan kerana mereka yakin akan kebolehan serta kemampuan untuk berkembang.

Seperti yang dinyatakan oleh Menteri Sumber-Sumber Utama dan Pelancongan, Yang Berhormat Dato Seri Setia Dr. Awang Haji Abdul Manaf bin Haji Metussin pada Majlis Youth Dialogue Programme Bas Belia BIMP-EAGA 2025 di Bangunan Jabatan Majlis-Majlis Mesyuarat, bahawa inovasi merupakan aset yang berharga dalam ekonomi dunia sekarang. Tambah Yang Berhormat, banyak alat transformasi seperti Kecerdasan Buatan, perkhidmatan awan, pembayaran digital dan perdagangan rentas sempadan sudah pun tersedia.

Tidak dinafikan kemajuan teknologi dan e-Dagang seperti negara-negara lain, sedang beralih ke era digital, dan ini memberi peluang besar kepada belia untuk memulakan perniagaan secara dalam talian. Usahawan muda sering menggunakan media sosial dan platform e-Dagang seperti Instagram, Facebook, Shopee, *live* TikTok telah memasarkan produk mereka dengan kos yang rendah. Ini menjadikan perniagaan lebih mudah diakses, tidak hanya di pasaran tempatan tetapi juga di pasaran global. Kesempatan mempromosi serta menjual produk mereka ini banyak memberi kelebihan kepada usahawan muda untuk terus aktif dalam dunia perniagaan.

Keyakinan para usahawan muda ini perlu kita sokong kerana sikap optimis seperti inilah yang kita kehendaki agar negara mampu membangun dengan tulang belakang para usahawan muda. Sokongan kerajaan dan Program Keusahawanan memberikan sokongan yang kuat kepada usahawan belia melalui pelbagai program dan inisiatif antaranya program-program seperti Lembaga Kemajuan Ekonomi Brunei (BEDB) melalui Darussalam Enterprise (DARE) menyediakan latihan, akses kepada pembiayaan serta sokongan dalam bentuk mentor kepada usahawan muda.

Walaupun terdapat banyak peluang, usahawan belia di negara ini juga turut menghadapi beberapa cabaran seperti mendapatkan modal yang mencukupi untuk memulakan perniagaan mereka. Selain itu, keperluan untuk inovasi iaitu untuk bertahan dalam perniagaan, usahawan muda perlu sentiasa berinovasi dan menyesuaikan diri dengan perubahan permintaan pasaran dan trend. Di sinilah sokongan kita terhadap para usahawan muda ini dapat menyuntik semangat mereka untuk terus bertahan dan bersedia menghadapi cabaran dalam dunia perniagaan. — **Ketua Penyuntingan (Ri)**

Nota : Akhbar Pelita Brunei mengandungi ayat-ayat Al-Quran dan doa-doa. Sila letak akhbar ini di tempat yang sempurna dan terjaga

✉ pelita.brunei@information.gov.bn | ☎ 2382891 / 2383400 Smb. : 217 | 📠 2381004 | 🌐 www.pelitabrunei.gov.bn

دربیتکن اوله جابتن قراغن، جابتن قردان منتري دان دجيتق اوله قرینت قلس سندیرین برحد، نگاربرونی دارالسلام

Diterbitkan oleh Jabatan Penerangan, Jabatan Perdana Menteri dan dicetak oleh Print Plus Sdn. Bhd., Negara Brunei Darussalam

NBD meneruskan Perlawananan Polo bagi *high goal*

Oleh : Dk. Hajah Naqayatul Akma Pg. Haji Ali
Foto : Mohammad Hasif Matzin, Azmah Haji Ahad

>> Muka 1

Duli Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Bendahara Seri Maharaja Permaisua Pengiran Muda Haji Sufri Bolkiah ibni Al-Marhum Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddin Sa'adul Khairi Waddien, SEA Games Federation Honorary Life President dan Presiden Majlis Olimpik Kebangsaan NBD berkenan berangkat menyaksikan perlawanan berkenaan.

Berangkat mewakili Pasukan Polo NBD, Duli Yang Teramat

Mulia Paduka Seri Pengiran Muda 'Abdul Mateen ibni Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah dan Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Anak Puteri 'Azemah Ni'matul Bolkiah binti Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah.

Juga berangkat menyertai, Yang Amat Mulia Pengiran Muda Bahar ibni Duli Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran

BERANGKAT mewakili Pasukan Polo Negara Brunei Darussalam, Duli Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Muda 'Abdul Mateen ibni Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah dan Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Anak Puteri 'Azemah Ni'matul Bolkiah binti Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah.

Digadong Sahibul Mal Pengiran Muda Haji Jefri Bolkiah.

Dalam perlawanan *chukka* pertama menyaksikan Pasukan Polo NBD mendapat 1 mata melalui Yang Amat Mulia Pengiran Muda Bahar, sementara Pasukan Polo Thailand pula mendapat 2 mata.

DULI Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Bendahara Seri Maharaja Permaisua Pengiran Muda Haji Sufri Bolkiah ibni Al-Marhum Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddin Sa'adul Khairi Waddien SEA Games Federation Honorary Life President dan Presiden Majlis Olimpik Kebangsaan NBD berkenan berangkat menyaksikan perlawanan berkenaan.



Pada perlawanan *chukka* kedua pula kedudukan mata Pasukan Polo NBD masih sama manakala Pasukan Polo Thailand memperoleh tambahan 1 mata.

Sementara pada perlawanan *chukka* ketiga pula, Pasukan Polo NBD merapatkan jurang menerusi jaringan Duli Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Muda 'Abdul Mateen menjadikan kedudukan 2 - 3, namun terpaksa akur kepada keunggulan Thailand apabila



tewas 2 - 5 dalam Perlawanan Polo yang berlangsung sengit.

Pada perlawanan *chukka* keempat pula, Pasukan Polo NBD masih dalam kedudukan sama, manakala Pasukan Polo Thailand memperoleh tambahan 3 mata.

Perlawanan berakhir dengan Pasukan Polo Thailand muncul sebagai pemenang 8 - 2, walaupun Pasukan Polo NBD telah mencurahkan segala usaha hingga ke wisel penamat.



MENINGKATKAN KETERHUBUNGAN, KEUPAYAAN PENGENDALIAN KARGO NEGARA



MAJLIS tersebut disempurnakan bersama oleh Yang Berhormat Menteri di Jabatan Perdana Menteri dan Menteri Kewangan dan Ekonomi II bersama Yang Berhormat Menteri Pengangkutan dan Infokomunikasi.

Oleh : Khartini Hamir
Foto : Muhammad Asri Haji Awang Abas

>> Muka 1

Turut hadir ialah wakil-wakil dari Kedutaan Republik Rakyat China di NBD, termasuk Pemangku Kuasa Usaha, Chen Chuan, di samping Pengurus Besar SITC, Jason Jiang dan Pengerusi WSL, Awang Zakaria Aziz.

Juga hadir, pegawai-pegawai kanan kerajaan dan wakil industri serta komuniti maritim.

Dalam ucapannya, Yang Berhormat Menteri di JPM dan

Menteri Kewangan dan Ekonomi II menekankan kepentingan kemasukan SITC dan WSL ke Pelabuhan Muara serta peluang yang akan diwujudkan oleh perkhidmatan mereka kepada NBD.

Beliau menyatakan bahawa perkembangan ini mencerminkan komitmen bersama dalam meningkatkan keterhubungan dan keupayaan pengendalian kargo negara, di samping menyokong matlamat

yang lebih luas untuk mewujudkan penyelesaian logistik yang lebih cekap serta peluang pekerjaan yang lebih besar kepada rakyat.

Sebagai sebahagian daripada persinggahan sulungnya, SITC telah memperkenalkan rangkaian perkhidmatan import yang meluas merangkumi sambungan secara langsung dan pemindahan kargo merentasi pasaran utama.

Perkhidmatan langsung kini menghubungkan Muara dengan Shekou, Nansha, Qinzhou, Haiphong dan Ho Chi Minh City.

Melalui pemindahan kargo di hab-hab utama seperti Shekou, SITC turut menghubungkan Muara dengan pelabuhan-pelabuhan utama di Republik Rakyat China termasuk Qingdao, Xingang, Shanghai, Ningbo dan Xiamen.

Sambungan tambahan juga merangkumi Kemboja, Malaysia Barat dan Thailand.

Laluan yang diperluaskan ini menyediakan para pedagang Brunei dengan akses pasaran yang lebih luas, pilihan perkapalan yang lebih fleksibel serta tempoh transit yang lebih

baik, sekali gus menyokong daya saing komersial dan ketahanan rantaian bekalan.

Persinggahan sulung WSL pula menandakan pelancaran Perkhidmatan Feeder Pesisir JIFA Bohai.

Beroperasi dua kali bagi setiap pusingan, perkhidmatan ini menghubungkan Muara dengan Lahad Datu, Samalaju dan Republik Singapura sebelum kembali ke Brunei.

Pengenalan laluan *feeder* ini memperkukuh keterhubungan antara pelabuhan Pelabuhan Muara dengan pelabuhan-pelabuhan di Malaysia Timur dan Republik Singapura serta menyokong pergerakan kargo dalam wilayah BIMP-EAGA.

MPC memaklumkan bahawa penambahan perkhidmatan SITC dan WSL dijangka meningkatkan tahap penggunaan keseluruhan pelabuhan serta memberi manfaat kepada industri logistik tempatan dan industri sokongan berkaitan.

Petunjuk awal jumlah pengendalian kargo daripada kedua-dua syarikat perkapalan tersebut menunjukkan permintaan yang memberangsangkan, sekali gus mengukuhkan kedudukan Pelabuhan Muara sebagai pusat transit serantau yang berdaya maju dan cekap.

Majlis diakhiri dengan lawatan berpandu ke terminal kontena, diikuti dengan upacara pengisytiharan rasmi persinggahan sulung, menandakan permulaan integrasi operasi SITC dan WSL di Pelabuhan Muara.

JANGANLAH LUPA, LALAI TERHADAP PERINTAH-NYA

Siaran Akhbar dan Foto : Kementerian Hal Ehwal Ugama

BANDAR SERI BEGAWAN, Ahad, 14 Disember. - Bulan Disember merupakan bulan yang dinantikan oleh semua peringkat umur di negara kita kerana pada kebiasaannya bulan ini diisi dengan cuti untuk menenangkan fikiran, mengeratkan hubungan kekeluargaan dan memperbaharui semangat.

Namun demikian, ada satu perkara yang tidak pernah bercuti, iaitu kewajipan mendirikan solat kerana solat ialah salah satu rukun Islam dan merupakan tiang agama.

Oleh itu, walaupun dalam suasana bercuti, janganlah kita lupa atau lalai terhadap perintah-Nya.

Sesungguhnya dengan menjaga solat, Allah Subhanahu Wata'ala akan memelihara kita daripada perkara-perkara yang buruk dan tidak diingini.

Demikian antara perkara yang disentuh di dalam Tazkirah bertajuk 'Jagalah Solat Ketika Bercuti' yang disampaikan oleh Penolong Pegawai Perkembangan Ugama, Pejabat Cawangan Da'wah Daerah Tutong, Pusat Da'wah Islamiah, Kementerian Hal Ehwal Ugama (KHEU), Awang Muhammad Salihan bin Samra, bagi menyerikan Malam Munajat anjuran KHEU Kali Ke-211, bersiaran dari Masjid Kampung

Penanjong, Tutong.

Acara Munajat malam tadi dihadiri oleh belia Masjid Kampung Penanjong, Daerah Tutong; jemaah dari beberapa buah masjid seluruh negara serta warga kerja KHEU dan juga individu yang mengikuti program ini secara maya dari kediaman masing-masing.

Atur cara dimulakan dengan bacaan Sayyidul Istighfar dan Surah Al-Fatihah yang dipimpin oleh Mukim Pekan Tutong, Awang Haji Salim bin Haji Othman, diikuti dengan bacaan Surah Al-Mulk beramai-ramai dipimpin oleh Belia Masjid Kampung Penanjong, Tutong, Awang Muhammad Adib Raiyan bin Haji Muhammad Kartolo.

Seterusnya, Doa Munajat dibacakan oleh Pengarah Pusat Latihan dan Peningkatan Kompetensi, Kolej Universiti Perguruan Ugama Seri Begawan, Dr. Kharhan bin Haji Jait.

Selesai tazkirah, acara disusuli dengan bacaan Selawat Tafrjiyyah dipimpin oleh Belia Masjid Kampung Penanjong, Tutong, Awang Muhammad Shafiq Wafie bin Rahim dan setelah itu, bacaan Doa Peliharakan Sultan dan Negara Brunei Darussalam (NBD) dibacakan oleh Ketua Imam Masjid Kampung Penanjong, Tutong, Jabatan Hal



YANG Berhormat Menteri Hal Ehwal Ugama turut hadir secara maya bagi menyerikan Malam Munajat anjuran KHEU Kali Ke-211.

Ehwal Masjid, KHEU, Awang Haji Muhammad Kartolo bin Haji Abang, selaku penerima Anugerah Pekerja Cemerlang 2025.

Malam Munajat bertujuan mengajak masyarakat Islam mendekatkan diri kepada Allah Subhanahu Wata'ala melalui amalan keroanian, memohon keampunan,

membaca dan menghayati ayat-ayat suci Al-Quran, serta merafakkan dan mengaminkan doa secara beramai-ramai dengan penuh pengharapan agar NBD beserta seluruh rakyat dan penduduknya sentiasa terpelihara daripada sebarang musibah dan penyakit berjangkit.

Orang ramai dialu-alukan untuk ikut serta dalam acara Malam Munajat yang diadakan secara maya melalui pautan <http://tiny.cc/munajatkheu>.

Semoga segala amalan keroanian dan doa munajat yang kita pohonkan serta aminkan diterima dan dimakbulkan oleh Allah Subhanahu Wata'ala.

Memperkukuhkan sistem, meningkatkan kompetensi pengajar, pemimpin TVET



PUSAT Serantau SEAMEO bagi Pendidikan dan Latihan Vokasional dan Teknikal (SEAMEO VOCTECH, SV) menerima Lawatan Rasmi dari Yang Berhormat Menteri Pendidikan.

Oleh : Haniza Abdul Latif
Foto : Mohd. Sahrizal Haji Said

>> Muka 1

Turut hadir, Setiausaha Tetap, (Pendidikan Teras) Kementerian Pendidikan, Dr. Shamsiah Zuraini Kanchanawati binti Haji Tajuddin selaku Pegawai Tinggi SEAMEO ke

Negara Brunei Darussalam (NBD); Timbalan Setiausaha Tetap (Pengajian Tinggi) Kementerian Pendidikan, Dr. Chin Wei Keh; Pemangku Timbalan Setiausaha Tetap (Dasar dan Korporat) Kementerian Pendidikan, Dr. Hajah

Lilly Suzana binti Haji Shamsu; Pengerusi Lembaga Tadbir Urus SV, Dr. Haji Mohd. Zamri bin Haji Sabli; serta pegawai-pegawai kanan kementerian, pihak pengurusan pusat, pakar, pegawai dan kakitangan.

Terdahulu itu, Pengarah Pusat SV, dalam ucapan alu-aluannya, antara

lain berkata, tahun ini menandakan Ulang Tahun Ke-35 SV, satu pencapaian penting yang menegaskan komitmen berterusan pusat tersebut dalam memperkukuhkan sistem TVET, meningkatkan kompetensi pengajar dan pemimpin TVET, serta mempromosikan TVET berkualiti tinggi yang bersedia menghadapi masa hadapan di semua negara anggota SEAMEO.

Tambahnya, seiring dengan peningkatan kepentingan TVET di rantau ini, pusat tersebut telah memperluaskan program-programnya agar sejajar dengan keutamaan yang sedang muncul, termasuk kemahiran hijau, kelestarian, integrasi Kecerdasan Buatan (AI), dan transformasi digital.

TVET hari ini, jelasnya, merupakan teras kepada daya tahan ekonomi dan kemajuan sosial rantau ini.

Menurutnya lagi, sebagai satu-satunya Pusat SEAMEO yang berpangkalan di NBD dan diamanahkan untuk memajukan kecemerlangan TVET di seluruh rantau, SV akan terus memainkan peranan penting dalam membentuk keupayaan, memperkukuh institusi dan memacu transformasi.

Semasa lawatan tersebut, Yang Berhormat dan rombongan telah mendengarkan taklimat mengenai pencapaian utama pusat bagi Tahun Kewangan 2024-2025.

Pencapaian ini merangkumi kejayaan pelaksanaan 33 program latihan dan satu forum serantau, di

samping hasil penyelidikan yang signifikan seperti 'Kebolehpasaran Graduan Vokasional dalam Sektor Agromakanan di ASEAN', di bawah Program Pakej Kesalinghubungan Mampuan EU-ASEAN - Pendidikan Tinggi (SCOPE-HE), 'Indeks Kesediaan Pendidikan Pintar', serta 'Indeks Kesediaan Pendidikan Hijau' yang sedang dilaksanakan.

Taklimat tersebut turut menekankan peranan pusat sebagai tuan rumah hab pengetahuan serantau TVET, SEA-VET.net, yang disokong oleh rakan strategiknya, GIZ-RECOTwin.

Dalam merangka hala tuju pusat bagi Tahun Kewangan 2025-2026, satu siri inisiatif strategik telah diketengahkan, termasuk empat forum yang sangat relevan dan telah berjaya dilaksanakan pada separuh kedua tahun 2025.

Antaranya ialah Sidang Kemuncak Rangkaian Penyelidikan Dasar Pusat (CPRN) 2025, serta beberapa forum dan satu persidangan yang membincangkan integrasi AI dalam pendidikan serta kemajuan peralihan digital dan hijau.

Bagi memperingati lawatan bersejarah ini, satu majlis penanaman pokok telah diadakan di Pusat Serantau SV sebagai tanda lawatan rasmi Yang Berhormat Menteri Pendidikan.

Majlis tersebut telah disaksikan oleh pegawai-pegawai kanan Kementerian Pendidikan dan Sekretariat SEAMEO.

MEMELIHARA TRADISI SERUMPUN, MEMASTIKAN WARISAN BUDAYA BERKEMBANG



YANG Berhormat Menteri Kebudayaan, Belia dan Sukan merakamkan penghargaan semasa dalam rakaman video.

NEW DELHI, REPUBLIK INDIA, Sabtu, 13 Disember. - Negara Brunei Darussalam (NBD) meraikan pencapaian budaya bertaraf antarabangsa dengan penyenaraian Pantun ke dalam Senarai Perwakilan Warisan Budaya Tidak Ketara Kemanusiaan Pertubuhan Pendidikan, Sains dan Kebudayaan Pertubuhan Bangsa - Bangsa Bersatu (UNESCO), baru-baru ini.

Penyertaan ini mengukuhkan peranan NBD, bersama Republik Indonesia dan Malaysia, dalam memelihara tradisi serumpun yang

NEGARA Brunei Darussalam meraikan pencapaian budaya bertaraf antarabangsa dengan penyenaraian Pantun ke dalam Senarai Perwakilan Warisan Budaya Tidak Ketara Kemanusiaan Pertubuhan Pendidikan, Sains dan Kebudayaan Pertubuhan Bangsa-bangsa Bersatu (kanan dan atas kanan).

Siaran Akhbar dan Foto : Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan

telah menjadi teras kesantunan Melayu dan kesinambungan budaya maritim Nusantara.

Pengiktirafan ini menyerlahkan komitmen negara untuk terus memperkukuh warisan budaya hidup sebagai asas identiti nasional dan hubungan sosial masyarakat.

Dalam rakaman video, Menteri Kebudayaan, Belia dan Sukan, Yang Berhormat Dato Seri Setia Awang Haji Nazmi Mohamad merakamkan penghargaan mendalam kepada Jawatankuasa Antara Kerajaan atas keputusan UNESCO menyenaraikan Pantun sebagai Warisan Budaya Tidak Ketara dari Republik Indonesia, Malaysia dan NBD.

Yang Berhormat Menteri Kebudayaan, Belia dan Sukan berkata, pantun tidak hanya menjadi seni kata indah, tetapi

sebuah mekanisme sosial yang telah sekian lama membentuk pekerti masyarakat, memupuk sifat hormat, budi halus dan hubungan sesama insan.

Dalam ucapan tersebut, Yang Berhormat menegaskan komitmen NBD untuk bekerjasama lebih erat dengan Republik Indonesia dan Malaysia dalam usaha pewarisan generasi muda, dokumentasi, pendidikan dan inovasi digital agar pantun terus hidup dan relevan dalam masyarakat masa kini dan masa hadapan.

UNESCO turut memuji penyertaan aktif komuniti pantun dari ketiga-tiga negara, termasuk inventori kebangsaan NBD yang dikendalikan oleh Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan, yang telah mendaftarkan Pantun pada tahun

2023 melalui proses penyertaan komuniti.

NBD menganggap pengiktirafan ini sebagai dorongan baharu untuk memperkukuh penyelidikan, pendidikan formal dan tidak formal;

dokumentasi, serta platform serantau dan antarabangsa dalam memastikan warisan ini terus hidup, berkembang dan diperturunkan kepada generasi seterusnya.



CEO BFI terima Pingat Francis New Ke-34



Siaran Akhbar dan Foto : Brunei Fertilizer Industries Sendirian Berhad

CAMBRIDGE, UNITED KINGDOM, Sabtu, 13 Disember. - Ketua Pegawai Eksekutif Brunei Fertilizer Industries Sendirian Berhad (BFI), Dr. Harri Kiiski telah menerima Pingat Francis New Ke-34, iaitu salah satu anugerah paling berprestij daripada International Fertiliser Society (IFS) pada 12 November 2025.


Beliau turut menyampaikan Pembentangan Memorial Francis New Ke-34 sebagai sesi penutup persidangan di Robinson College, Universiti Cambridge, United Kingdom.

Anugerah ini diberikan setiap

dua tahun kepada tokoh yang telah memberikan sumbangan istimewa dan berimpak tinggi kepada industri baja global serta misi IFS dalam memajukan pengetahuan saintifik, teknikal dan ekonomi berkaitan penghasilan dan penggunaan baja.

Pembentangan Dr. Harri Kiiski menjadi kemuncak penuh inspirasi pada hari terakhir persidangan, yang mempamerkan kepimpinan, kepakaran, dan visi masa hadapan yang menjadikan beliau layak menerima pengiktirafan antarabangsa ini.

Dalam pembentangan tersebut, beliau menerangkan mengenai



Valeriepieris Circle iaitu sebuah kawasan dunia yang sangat padat dengan penduduk.

Walaupun kawasan ini hanya merangkumi sekitar 10 peratus daripada keluasan bumi, hampir separuh penduduk dunia tinggal di situ.

Kawasan ini juga merupakan pusat utama pengeluaran padi global.

Oleh itu, sebarang perubahan dalam aktiviti pertanian atau keadaan iklim di kawasan ini mampu memberi kesan besar terhadap keselamatan makanan dunia.

Beliau turut menyentuh mengenai cabaran utama yang dihadapi dalam penghasilan padi di kawasan tersebut, termasuk

kehilangan nitrogen, pelepasan metana, cuaca ekstrem serta kekurangan zink dalam tanah.

Faktor-faktor ini menjejaskan kelestarian pengeluaran padi untuk jangka panjang.

Jelas Dr. Harri Kiiski, memahami realiti ini telah membantu membentuk peranan Negara Brunei Darussalam (NBD) dalam menyokong sistem pertanian yang lebih tahan dan mampan.

Pendekatan tersebut menjadi asas kepada pembangunan BFI serta komitmennya dalam menghasilkan baja berkualiti tinggi yang lebih efisien dan mesra iklim.

Melalui penggunaan teknologi moden dan pelaksanaan amalan lestari meskipun berhadapan cabaran pandemik COVID-19, BFI

KETUA Pegawai Eksekutif Brunei Fertilizer Industries Sendirian Berhad (BFI), Dr. Harri Kiiski menerima Pingat Francis New Ke-34 (kiri sekali), manakala gambar kiri, Dr. Harri Kiiski semasa membuat pembentangan.

kini berada dalam kedudukan kukuh untuk menghasilkan serta menyediakan baja pintar iklim yang dapat meningkatkan kesihatan tanah, mengurangkan pembaziran dan menyokong sistem makanan yang lebih selamat serta mampan di seluruh rantau, termasuk dalam kawasan Valeriepieris Circle.

Pemilihan Dr. Harri Kiiski sebagai penerima pingat ini turut mencerminkan peningkatan reputasi BFI serta landskap perindustrian NBD secara keseluruhannya.

Pencapaian ini bukan sahaja menyerlahkan komitmen organisasi terhadap kecemerlangan dan inovasi, tetapi juga mengukuhkan kedudukan NBD sebagai penyumbang penting dalam perbincangan global mengenai kelestarian, teknologi dan pengeluaran baja.

Pengiktirafan ini seterusnya memperkukuh keyakinan dunia terhadap kemampuan negara ini, di samping menggalakkan kerjasama strategik dan pelaburan baharu serta menyokong aspirasi negara dalam membangunkan ekonomi yang lebih berdaya tahan melalui industri bertaraf antarabangsa.

INOVASI DIGITAL PEMACU PEMBANGUNAN LUAR BANDAR



YANG Berhormat Menteri Kebudayaan, Belia dan Sukan menghadiri Mesyuarat Menteri-menteri ASEAN mengenai Pembangunan Luar Bandar dan Pembasmian Kemiskinan (AMRDPE) Ke-14 di Bangkok, Thailand (atas dan kiri).

Siaran Akhbar dan Foto : Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan

>> Muka 1

Peningkatan keupayaan SKN menggunakan Kecerdasan Buatan (AI) turut dirancang bagi memperbaiki pengalaman pengguna dan memastikan inovasi digital ini membolehkan bantuan untuk sampai kepada yang lebih memerlukan termasuk penduduk di luar bandar.

Yang Berhormat turut mengongsikan kejayaan inisiatif Satu Kampung Satu Produk (1K1P) dalam memperkasakan kampung - kampung melalui penjana ekonomi berasaskan warisan tradisi, sekali gus mewujudkan peluang pekerjaan dan memperkukuh identiti budaya.

Menurut Yang Berhormat, sokongan pelbagai sektor adalah penting dalam memastikan

kelangsungan pembangunan luar bandar, termasuk melalui pelancongan berasaskan komuniti, skim kewangan mikro serta program peningkatan kemahiran yang membantu mengukuhkan perusahaan kecil dan memperluaskan peluang ekonomi bagi golongan yang memerlukan bantuan.

Mesyuarat AMRDPE Ke-14 telah mengesahkan satu Kenyataan Bersama antara lain menyatakan persetujuan mengenai kepentingan pelaburan berterusan dalam inovasi tempatan dan pengukuhan digitalisasi sebagai pemacu transformasi luar bandar yang inklusif dan berdaya tahan; menggalakkan kerjasama pelbagai sektor, termasuk penyertaan aktif sektor swasta dan masyarakat sivil serta sokongan

teknikal dan kewangan daripada badan serantau; komitmen terhadap tanggungjawab bersama dan pemantauan telus bagi memastikan hasil pembangunan dikongsi secara saksama.

Mesyuarat AMRDPE Ke-14 didahului Mesyuarat Pegawai Kanan ASEAN Ke-22 mengenai Pembangunan Luar Bandar dan Pembasmian Kemiskinan (SOMRDPE) pada 10 dan 11 Disember 2025, serta Mesyuarat SOMRDPE Campur Tiga Ke-17 pada 11 Disember 2025.

Setiausaha Tetap (Kemasyarakatan), Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan (KKBS), Dayang Hajah Nor Ashikin binti Haji Johari menyerahkan kepengerusian SOMRDPE dari Negara Brunei Darussalam (NBD) ke Thailand.

Dalam ucapannya, beliau menyampaikan penghargaan tinggi kepada Ahli Negara ASEAN

di atas kerjasama sepadu yang diberikan sepanjang NBD diamanahkan menjadi pengerusi.

Melalui dedikasi bersama, peranan SOMRDPE telah diperkukuhkan sebagai sebuah platform dinamik yang menyokong pembangunan serantau yang inklusif dan lestari.

Juga diadakan, Forum ASEAN Public Private People Partnership Ke-14 mengenai Pembangunan Luar Bandar dan Pembasmian Kemiskinan pada 9 Disember 2025, dan ASEAN Villages Network Meeting Ke-3 pada 10 Disember 2025.

Bersempena Mesyuarat AMRDPE Ke-14, Anugerah Kepimpinan ASEAN Ke-7 bagi Pembangunan Luar Bandar dan Pembasmian Kemiskinan telah diadakan pada 11 Disember 2025 sebagai pengiktirafan kepada peranan, pencapaian cemerlang serta sumbangan pertubuhan bukan kerajaan dan sektor swasta

di Negara-negara Anggota ASEAN.

Pada tahun ini, Project Women Brunei yang diwakili oleh Pengasas Project Women Brunei, Dayang Nur Judy binti Abdullah, menerima anugerah di bawah kategori Pertubuhan Bukan Kerajaan.

Manakala Syarikat Takaza Contractor Sendirian Berhad yang diwakili oleh pengarah urusannya, Awang Haji Mohd. Azmi bin Haji Nohi, menerima anugerah di bawah kategori Sektor Swasta, atas sumbangan signifikan dalam membantu memperkasakan golongan kurang berkemampuan di NBD.

Turut hadir mengiringi Yang Berhormat ialah Setiausaha Tetap (Kemasyarakatan) KKBS; serta pegawai-pegawai kanan dari KKBS, Kementerian Hal Ehwal Dalam Negeri dan perwakilan daripada Institusi Mukim dan Ketua Kampung, NBD.

HALUAN

>> Muka 2

Kementerian Kesihatan juga terus giat membuat saringan kanser payudara. Melebihi 10 ribu wanita menjalani saringan dan mendapati satu peratus daripadanya terdapat keputusan yang tidak normal. Oleh itu, Kementerian Kesihatan telah menubuhkan Pusat Pengimejan Payudara

(BIC) bagi mengendalikan saringan kanser payudara dan meningkatkan jumlah saringan yang dapat dibuat. Pengesanan awal ini telah membolehkan rawatan segera dilaksanakan, sekali gus meningkatkan peluang pemulihan pesakit. Ini setentunya akan mengurangkan impak perbelanjaan perubatan yang tinggi di masa akan datang. Saringan bagi penyakit-penyakit kronik lain juga ditingkatkan. Di samping mengendalikan pemeriksaan berkala ke Kementerian-kementerian melalui WAH Program (Workplace and Health) bagi saringan penyakit jantung atau kardiovaskular dan diabetes.

Penyerapan Artificial Intelligence (AI) dan *deep learning*, turut dimanfaatkan melalui aplikasi BruHealth 5.0, yang dilancarkan Kementerian ini. Aplikasi ini mampu memaklumkan pengguna akan risiko kesihatan yang akan dialami dan seterusnya menasihatkan serta membuat tempahan saringan

kesihatan jika diperlukan, misalnya pemantauan tekanan darah, berat badan, kadar tidur, kesihatan mental, pemakanan dan aktiviti fizikal. Dalam masa terdekat, BruHealth 5.0 juga akan dapat membuat Exercise Prescription selaras dengan kemampuan yang dikaitkan dengan umur, berat badan dan penyakit yang dihadapi.

Kementerian juga terus memelopori penggunaan teknologi dan AI dalam pengesanan penyakit mata disebabkan oleh diabetes. Program SELENA+ mula dilancarkan pada tahun lepas bagi saringan dan pengesanan Diabetic Retinopathy. Antara November 2023 hingga Februari 2024, seramai 4,558 individu telah menjalani saringan sebelum pengenalan sistem bantuan AI. Selepas pelaksanaan saringan berkuasa AI (dari November 2024 hingga Februari 2025), jumlah keseluruhan saringan meningkat kepada 6,773. Ini menunjukkan peningkatan 48.6 peratus penyertaan saringan, iaitu peningkatan yang ketara pada kadar penyertaan, serta penglibatan awam selepas integrasi teknologi AI dalam program saringan. Semasa fasa saringan ini, 967 daripada 5,362 pesakit telah dirujuk untuk penilaian lanjut atau rawatan, menunjukkan kadar rujukan

sebanyak 18 peratus. Sebagai perbandingan, kadar rujukan sebelum penggunaan AI hanyalah tujuh peratus. Peningkatan ketara ini menunjukkan bahawa sistem AI berupaya mengesan lebih banyak kes yang memerlukan perhatian perubatan, seterusnya meningkatkan pengesanan awal dan intervensi untuk individu berisiko.

Keputusan ini menunjukkan peningkatan sensitiviti serta keberkesanan saringan berasaskan AI dalam menyokong membuat keputusan klinikal dan hasil kesihatan populasi. Setakat ini kondisi buta diakibatkan oleh penyakit diabetes setakat Oktober 2025 sahaja lebih kurang berjumlah 2,805 orang, dan daripadanya 56 peratus (1,560 orang) adalah terdiri dari golongan berumur 30 hingga 59 tahun. Manakala lebih kurang 50 orang di bawah umur 30 tahun didapati buta akibat penyakit diabetes pada tahun 2025 berbanding 31 orang pada tahun 2024. Dalam masa terdekat, sistem SELENA+ ini bukan saja dapat digunakan untuk mengesan risiko hilang penglihatan, malahan pada masa akan datang boleh mengesan masalah-masalah kesihatan lain termasuk kardiovaskular dan dementia. Dengan pengesanan awal akan memudahkan rawatan dan dapat mencegah agar tidak ke tahap yang lebih serius, pada masa

yang sama dapat mengurangkan bebanan fizikal dan mental pesakit di samping mengurangkan bebanan kos rawatan serta kesan kepada produktiviti, potensi dan kualiti hidup seseorang penghidap penyakit.

Peramba / kaola yakin bahawa perbincangan sesi muzakarah pada tahun ini akan membuahkan kerjasama padu di antara pihak kerajaan dan orang ramai yang diwakili Ahli-ahli Yang Berhormat dalam memberi sokongan antara satu sama lain, serta ia adalah peluang keemasan untuk kita bercambah fikiran ke arah usaha-usaha penambahbaikan perkhidmatan - perkhidmatan di bawah Kementerian Kesihatan, khususnya untuk mendukung hasrat Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam untuk terus menjamin dan memelihara kesejahteraan rakyat dan penduduk.

Perbincangan kita pada pagi ini bukan sahaja bertujuan untuk menyuarakan dan mendengar isu-isu yang dihadapi oleh orang ramai, akan tetapi untuk melibatkan bersama setiap lapisan masyarakat, terutamanya di peringkat akar umbi, dalam terus memperbaiki status kesihatan rakyat dan penduduk di negara ini. Seperti mana jua visi Kementerian Kesihatan - Bersama Ke Arah

Warga Sihat. Peramba / kaola / saya yakin bahawa sesi muzakarah ini akan lebih mengeratkan lagi hubungan Kementerian Kesihatan dengan Ahli-ahli Yang Berhormat dan akan memudahkan lagi untuk kita sama-sama mengambil perhatian akan isu-isu yang mustahak melalui pendekatan Whole of Nation.

Sebagai mengakhiri, peramba / kaola / saya sekali lagi mengucapkan ribuan terima kasih kepada Yang Berhormat - Yang Berhormat di atas kesudian hadir di sesi muzakarah Kementerian Kesihatan pada hari ini. Mudah-mudahan sesi ini akan memberikan hasil perbincangan yang produktif bagi menjana idea-idea yang bernas dan boleh diguna pakai dalam membentuk hala tuju dasar dan strategi Kementerian Kesihatan di masa akan datang. Dan yang paling penting, apa jua yang dibincangkan di dalam Sesi Muzakarah pada hari ini, akan mendapat keredaan daripada Allah Subhanahu Wata'ala jua. Semoga kita diberi petunjuk dan hidayah dalam membuat sebarang keputusan, serta sentiasa berada di jalan yang lurus lagi diberkati oleh-Nya.

Sekian dahulu dari peramba / kaola / saya buat masa ini.
Wabillahit Taufik Walhidayah
Wassalamualaikum
Warahmatullahi Wabarakatuh.

MPK BELIMBING ANJUR PESTA JUALAN HUJUNG TAHUN

Berita dan Foto : Siti Rokiah Abdullah

SUBOK, Sabtu, 13 Disember. - Majlis Perundingan Kampung (MPK) Belimbing telah menganjurkan Pesta Jualan Hujung Tahun 1447 Hijrah / 2025 Masihi, dengan majlis perasmian diadakan pagi tadi di kawasan letak kereta Taman Riadah Tasik Serubing, Kampung Belimbing.

Hadir selaku tetamu kehormat majlis dan seterusnya merasmikan pesta tersebut ialah Ahli Majlis Mesyuarat Negara (MMN), Yang Berhormat Awang Haji Daud bin Jihan, Ketua Kampung Belimbing.

Pesta Jualan Hujung Tahun ini



diadakan dengan objektif utama untuk meningkatkan peluang perniagaan dalam kalangan peniaga kecil dan usahawan tempatan. Selain itu, ia turut menyediakan platform bagi penduduk kampung memasarkan hasil pertanian, makanan tradisional serta kraf tangan tempatan.

Penganjuran pesta ini juga berperanan sebagai wadah bagi mengeratkan hubungan silaturahim antara penduduk kampung melalui aktiviti kekeluargaan dan ekonomi, di samping menyemarakkan lagi



YANG Berhormat Ahli Majlis Mesyuarat Negara, Ketua Kampung Belimbing hadir selaku tetamu kehormat dan seterusnya menyempurnakan perasmian pesta tersebut.

aktiviti kemasyarakatan menjelang tahun 2026.

Pesta jualan berkenaan berlangsung selama sembilan hari, bermula 13 hingga 21 Disember 2025. Selain aktiviti jualan, beberapa aktiviti sampingan turut diadakan seperti peraduan mewarna dan sukan ria keluarga bagi menarik penyertaan masyarakat setempat.

Menurut salah seorang peniaga yang turut serta, Dayang Sarinah daripada Lezada Sarlesh Homemade, penyertaan beliau bukan sahaja bertujuan untuk menjana pendapatan, malah untuk mempromosikan produk yang dijual seperti pelbagai perisa donut dan cendol durian.

Beliau turut menyatakan bahawa beliau aktif berniaga terutamanya semasa musim cuti persekolahan dan bulan Ramadan.

DAYANG Sarinah dan Dayang Lilis Suriyani semasa ditemu bual (kiri sekali dan kiri).



Sementara itu, Dayang Lilis Suriyani menyatakan bahawa pesta jualan tersebut memberi peluang kepada peniaga kecil dan sederhana untuk memperkenalkan produk masing-masing kepada orang ramai. Selain menjual makanan seperti Ayam Penyet dan Lele Penyet, beliau juga

menawarkan pelbagai jenis cucur-cucuran.

Pesta ini jelas mencerminkan usaha berterusan MPK Belimbing dalam memperkasa ekonomi komuniti serta menggalakkan penglibatan aktif penduduk kampung dalam aktiviti keusahawanan.

Bantu tingkatkan bekalan darah

Siaran Akhbar : Kementerian Kesihatan

BANDAR SERI BEGAWAN, Sabtu, 13 Disember. — Pusat Pendermaan Darah di Jabatan Perkhidmatan Makmal, Kementerian Kesihatan, akan mengadakan kempen derma darah pada Selasa, 16 Disember 2025, pukul 10.00 pagi hingga 2.30 petang di OneCity Shopping Centre, anjuran Imagine Sdn. Bhd.

Sementara itu, pada Rabu, 17 Disember 2025, pukul 10.00 pagi hingga 2.30 petang, kempen tersebut akan diadakan di Tingkat 1 Annajat Shopping Complex, Kampung Beribi.

Manakala, pada Khamis, 18 Disember 2025, dan Sabtu, 20 Disember 2025, pukul 10.00 pagi hingga 3.00 petang, kempen tersebut akan diadakan di Event Stage Tingkat 1, Mabohai Shopping Complex.

Orang ramai adalah juga dialu-alukan untuk datang terus ke Pusat Pendermaan Darah di Hospital Raja Isteri Pengiran Saleha (RIPAS) untuk menderma darah pada waktu bekerja bermula 8.00 hingga 11.30 pagi dan 1.30 hingga 4.00 petang.

Orang ramai adalah diseru untuk menyertai kempen tersebut sekali gus menderma darah bagi sama-sama membantu meningkatkan bekalan darah di negara ini.

Tempahan slot derma darah melalui aplikasi Bloodkad bagi Kempen Derma Darah adalah sangat digalakkan.

Projek Fathul Ilmi 1.0 : Ringankan perbelanjaan persekolahan keluarga para mualaf

Oleh : Aimi Sani
Foto : Dk. Nur Hafilah Pg. Osman



PEMANGKU Pengarah Pusat Da'wah Islamiah, Awang Haji Ahmad Abdussalam bin Haji Abd. Rahman hadir selaku tetamu kehormat dan seterusnya menyerahkan sumbangan Projek Fathul Ilmi kepada para penerima (kiri dan kiri sekali).

PDI, Awang Haji Ahmad Abdussalam bin Haji Abd. Rahman.

Terdahulu, majlis dimulakan dengan bacaan Sayyidul Istighfar dan bacaan Surah Al-Fatihah, diikuti dengan ucapan alu-aluan oleh Pemangku Ketua Bahagian Pembangunan Muallaf PDI, Pengiran Haji Reduan bin Pengiran Haji Badaruddin.

Acara diteruskan dengan penyerahan sumbangan projek Fathul Ilmi 1.0 yang disempurnakan oleh tetamu kehormat majlis.

Majlis kemudian diakhiri dengan bacaan doa selamat yang dipimpin oleh Pegawai Perkembangan Umma, PDI, Awang Haji Muhammad Naqib bin Haji Awang.

Projek Fathul Ilmi 1.0 diharap akan dapat sedikit sebanyak meringankan beban perbelanjaan persekolahan bagi anak-anak para mualaf yang kurang berkemampuan dan memerlukan bagi sesi pembelajaran mereka di tahun baharu 2026.

PULAIE, Sabtu, 13 Disember. - Pusat Da'wah Islamiah (PDI), Kementerian Hal Ehwal Ugama (KHEU) melalui Bahagian Pembangunan Muallaf (Kebajikan Muallaf) dengan kerjasama Persatuan Nurul Islam telah mengungkapkahkan projek Fathul Ilmi 1.0 bagi tahun 2025.

Projek ini diadakan selama empat hari, mulai 1 hingga 4 Disember 2025 bersempena musim persediaan sesi persekolahan tahun 2026.

Sehubungan dengan itu, pagi tadi diadakan Majlis Penyerahan Fathul Ilmi bagi Daerah Brunei dan Muara Tahun 1447 Hijrah / 2025 Masihi kepada seramai 45 orang

anak-anak golongan mualaf bertempat di Dewan Persidangan, PDI, di sini.

Antara objektif projek ini diadakan adalah untuk mengumpulkan alat-alat persekolahan yang diserahkan kepada para penerima yang memerlukan.

Selain itu, inisiatif ini turut memberi peluang kepada warga PDI dan orang ramai untuk sama-sama berinfak serta membantu meringankan perbelanjaan keluarga para mualaf dalam persiapan menyambut sesi persekolahan tahun 2026.

Hadir selaku tetamu kehormat majlis ialah Pemangku Pengarah

جاہن فراتھن ایكونومي دان مٹائیسٹیک
JABATAN PERANCANGAN EKONOMI DAN STATISTIK
JABATAN HAL EHVAL PENGUNA
KEMENTERIAN KEWANGAN DAN EKONOMI

NASIHAT BERBELANJA DALAM TALIAN

Fikir sebelum beli

"buleh percaya kan tu?"

"mun barang inda sampai, kana mulihkan usinku kan ni?"

"ok kan tu? selamat kah jual bali cemani ani?"

"iawah? banar kan tawarannya ani?"

Jadi pengguna yang bertanggungjawab

- ✓ Semak ulasan terlebih dahulu, beli dari sumber yang dipercayai.
- ✓ Dapatkan resit rasmi.
- ✓ Fahami polisi bayaran balik dan jaminan.
- ✓ Jika ragu, elakkan berurusan dengan mereka.

Perintah Pelindungan Pengguna (Perdagangan Wajar) dikenakan ke atas transaksi Perniagaan-ke-Pengguna

PERARAKAN OKU SERLAHKAN BAKAT POTENSI KEPELBAGAIAN DEMI MASYARAKAT INKLUSIF



SETIAUSAHA Tetap (Kemasyarakatan), Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan (KKBS) hadir selaku tetamu kehormat dan seterusnya menyempurnakan pelancaran rasmi Perarakan Orang Kelainan Upaya (OKU) dan Majlis Perasmian Pameran 'Seni Untuk Semua' (Art for All) (kiri dan kanan).

Oleh : Wan Mohamad Sahran Wan Ahmadi
Foto : Dk. Nur Hafilah Pg. Osman

BANDAR SERI BEGAWAN, Ahad, 14 Disember. - Lebih 100 peserta telah menyerikan perarakan sejauh 1.3 kilometer di sekitar kawasan Hab Tenaga Brunei Dermaga Diraja, di ibu negara dalam Pesta Ria Inklusif: Perarakan Orang Kelainan Upaya (OKU) dan Majlis Perasmian Pameran 'Seni Untuk Semua' (Art for All) hari ini bersempena Sambutan Hari Antarabangsa OKU 2025.

Juara pasukan kreatif dengan tema yang ditetapkan jatuh kepada Pasukan Pusat Bahagia, sementara naib juara dimenangi oleh Pasukan Persatuan Bagi Autisme Dalam Latihan, Pendidikan dan Sumber (SMARTER Brunei) dan Pasukan Uniklearn by An-Nur Harapan menduduki tempat ketiga.

Pemenang pertama membawa pulang hadiah wang tunai berjumlah BND500, sijil, piala, dan sebuah TV berukuran 32 inci, naib johan memperoleh hadiah wang tunai berjumlah BND400, sijil, piala dan sebuah TV berukuran 32 inci dan tempat ketiga memperoleh hadiah wang tunai berjumlah BND300, sijil, piala dan sebuah TV berukuran 32 inci.

Manakala pasukan tempat keempat hingga keenam memperoleh sijil dan sebuah TV berukuran 32 inci.

Hadir selaku tetamu kehormat pada majlis anjuran Jabatan Pembangunan Masyarakat (JAPEM) di sini ialah Setiausaha Tetap (Kemasyarakatan), Kementerian Kebudayaan, Belia

dan Sukan (KKBS), Dayang Hajah Nor Ashikin binti Johari.

Tetamu kehormat seterusnya menyempurnakan pelancaran rasmi Perarakan OKU iaitu dengan Persembahan Pencak Silat dari Jabatan Belia dan Sukan Tutong sebelum perarakan dimulakan.

Perarakan OKU ini merupakan acara peringkat nasional yang julung-julung kalinya diadakan sempena Hari Antarabangsa OKU 2025 di Negara Brunei Darussalam.

Ia bertujuan meningkatkan kesedaran, kefahaman, penerimaan dan penghargaan terhadap keupayaan serta sumbangan OKU, di samping memperjuangkan peluang inklusif dan keterangkuman sosial.

Perarakan tersebut menegaskan bahawa OKU mempunyai bakat, potensi diri dan

nilai unik, serta mampu menyumbang kepada kemajuan negara apabila diberi peluang yang sama. Ia juga menyeru masyarakat meraikan kepelbagaian sebagai kekuatan dan membina masyarakat yang inklusif, prihatin dan saksama melalui sokongan bersama semua pihak.

Inisiatif itu juga bertujuan mengeratkan hubungan silaturahim antara OKU, keluarga dan komuniti, di samping memperkukuh keyakinan diri OKU untuk berinteraksi dan tampil di khalayak umum dalam suasana sosial yang mesra dan inklusif.

Perarakan ini melibatkan penyertaan pelbagai kategori OKU daripada Majlis Kesejahteraan OKU (MKOKU) dan persatuan-persatuan di bawahnya, agensi kerajaan dan Pertubuhan Bukan Kerajaan (NGO).

Tema bagi peserta perarakan OKU ini adalah 'Nadi Warisan Brunei (Ungu)'.

Para peserta mengenakan pelbagai pakaian tradisional Melayu Brunei iaitu seperti padian dan membawa prop yang berbentuk seperti Temuai dan bermacam-macam lagi.

Sejurus selesai penyampaian hadiah kepada para pemenang perarakan, Dayang Hajah Nor Ashikin seterusnya beralih ke Galeri Seni 4, Hab Tenaga Brunei Dermaga Diraja bagi merasmikan Pameran Seni Untuk Semua, diikuti dengan penyampaian sijil penghargaan kepada para penaja yang menyokong acara Perarakan OKU dan Pameran Seni Untuk Semua serta berkesempatan menyaksikan Pameran Seni Untuk Semua.

Pameran tahun ini adalah kali ke-4 diadakan, membawa tema 'Nadi Warisan Brunei', yang menampilkan hasil karya berinspirasi identiti negara, hari-hari kebesaran dan perayaan, budaya dan tradisi, tempat-tempat menarik, keindahan alam serta aktiviti seharian.

Pameran yang dikendalikan oleh kurator, Dayang Wan Zahidah binti Metussin, berlangsung bermula 14 hingga 31 Disember 2025 dan mempamerkan hasil karya para artis OKU merangkumi lukisan, kraf tangan dan pelbagai karya kreatif yang menonjolkan ekspresi, bakat dan imaginasi mereka.

Turut hadir, Timbalan Setiausaha Tetap (Kebudayaan), KKBS, Dr. Siti Norkhalbi binti Haji Wahsalfelah; Pesuruhjaya Tinggi Kanada ke Negara Brunei Darussalam, Tuan Yang Terutama Dr. Tamer Mansy; Pegawai-pegawai Kanan KKBS, MKOKU, NGO, para penaja dan rakan-rakan strategik KKBS.

Meraikan pegawai, kakitangan KUPU SB dan perintis SkiPPA



BANDAR SERI BEGAWAN, Ahad, 14 Disember. - Sebagai sebuah institusi pendidikan agama yang unggul dan berwibawa, Kolej Universiti Perguruan Agama Seri Begawan (KUPU SB) berdiri teguh bukan hanya kerana dasar dan strukturnya, tetapi kerana tenaga manusia yang menggerakkannya.

Tidak syak lagi, jasa dan bakti yang disumbangkan akan terus

menjadi asas penting kepada kelangsungan kecemerlangan akademik dan pentadbiran di KUPU SB.

Setiap pengorbanan, dedikasi dan semangat yang dicurahkan setentunya meninggalkan kesan yang amat bermakna dan menjadi inspirasi buat generasi akan datang.

Perkara tersebut dizahirkan oleh Ra'es KUPU SB, Profesor Madya

Dr. Abdul Nasir bin Haji Abdul Rani dalam Majlis Penghargaan dan Mengenang Jasa KUPU SB, yang berlangsung baru-baru ini di An-Naura, Yayasan Sultan Haji Hassanal Bolkiah.

Seramai 11 pegawai dan kakitangan KUPU SB yang telah bersara pada tahun 2023-2024 serta 21 perantis Skim Perantisan Perkhidmatan Awam (SkiPPA) diraikan dalam majlis berkenaan.



RA'ES Kolej Universiti Perguruan Agama Seri Begawan menyampaikan sijil penghargaan kepada salah seorang penerima dan seterusnya bergambar ramai (atas dan kiri).

Siaran Akhbar dan Foto :
Kolej Universiti Perguruan Agama Seri Begawan

Turut hadir, pegawai-pegawai eksekutif, pegawai-pegawai utama serta Ahli Jawatankuasa Kerja yang terlibat.

Majlis tersebut diunkayahkan antara lain bertujuan untuk mengiktiraf sumbangan dan jasa pegawai bersara serta SkiPPA yang telah menamatkan kontrak sepanjang tempoh perkhidmatan

mereka di KUPU SB.

Ia juga dihasratkan untuk mengeratkan ukhuwah dan silaturahim melalui majlis yang penuh bermakna dan berunsur kekeluargaan, sekali gus menonjolkan budaya penghargaan dalam organisasi sebagai tanda kesyukuran dan penghormatan terhadap dedikasi warga kerja.

PERJALANAN KONVOI TINGKATKAN KESELAMATAN, PEMATUHAN JALAN RAYA



TEMBURONG, Ahad, 14 Disember. - Acara Perjalanan Konvoi bersempena Program Ke Temburong Bisai (KTB) Edisi Borneo Bike Gathering diadakan bertujuan untuk memberigakan aspek - aspek keselamatan serta meningkatkan pematuhan peraturan jalan raya, khususnya dalam kalangan penunggang motorsikal dan pemandu kenderaan amnya. Pelepasan Acara Perjalanan Konvoi tersebut berlangsung di

TIMBALAN Setiausaha Tetap (Pengangkutan), Kementerian Pengangkutan dan Infokomunikasi hadir selaku tetamu kehormat dan seterusnya melancarkan pelepasan konvoi berkenaan. Turut hadir, Yang Berhormat Ahli Majlis Mesyuarat Negara, Ketua Kampung Labu Estate dan Piasau-Piasau dan Pemangku Pegawai Daerah Temburong (kiri dan kanan).

Mesyuarat Negara, Yang Berhormat Haji Awang Sulaiman bin Haji Nasir, Ketua Kampung Labu Estate dan Piasau-Piasau dan Pemangku Pegawai Daerah Temburong, Awang Hassan Baha bin Haji Umar.

Perjalanan konvoi sejauh 41 kilometer bermula dari BIBD Connects, Labu Square dan melalui Kampung Belingos, Kampung Sibulu, Kampung Bokok, Kampung Puni sebelum berakhir di Dermaga Pekan Bangar.

Konvoi diketuai oleh Yang Dipertua Persatuan Motosikal Darussalam, Pengiran Haji Redzuan bin Pengiran Haji Ahmad.

Seramai hampir 400 peserta

Oleh : Pg. Siti Redzaimi Pg. Haji Ahmad
Foto : Muhammad Asri Haji Awang Abas



terdiri daripada Persatuan-persatuan Motorsikal Negara Brunei Darussalam serta penyertaan dari Sabah dan Sarawak, Malaysia dan Kalimantan, Republik Indonesia turut mengambil bahagian dalam acara tersebut.

Selain membarigakan serta meningkatkan aspek keselamatan

dan pematuhan jalan raya, aktiviti ini juga menekankan kepentingan disiplin diri dalam penunggangan motorsikal.

Di samping itu, penganjuran acara berkenaan turut berperanan dalam mengeratkan lagi hubungan silaturahim dalam kalangan penunggang motorsikal di Kepulauan Borneo.

Memperkasa golongan kurang pendengaran, tanam nilai inklusiviti

Oleh : Khartini Hamir
Foto : Alishahrin Haji Mumin

BANDAR SERI BEGAWAN, Ahad, 14 Disember. - Perwakilan daripada Program Kapal Belia Asia Tenggara Dan Jepun (SSEAYP) Sesi 25/26 (BYP-49) dengan kerjasama SSEAYP International Brunei (BERSATU) dengan sokongan Jabatan Belia dan Sukan, Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan berjaya melaksanakan Aktiviti Sumbangan Sosial (DOA) bertajuk 'Wings of Inclusion', bertempat di Dewan Silaturahim, Pusat Belia, di sini.

Seramai 48 orang terlibat yang mana 22 orang terdiri daripada peserta kanak-kanak kurang pendengaran dan Children of Deaf Adults (CODA), dan 26 belia sukarelawan.

Program ini bertujuan untuk memperkasa golongan kurang pendengaran, menanam nilai inklusiviti dan memberikan sokongan sosial kepada CODA serta kanak-kanak kurang pendengaran.

Majlis dimulakan dengan bacaan Surah Al-Fatihah oleh Awang Mohammad Hazwan Nizam bin Ibrahim, diikuti dengan ucapan alu-aluan daripada Ketua Perwakilan program SSEAYP Sesi 25/26, Awang Irham Roslan yang antara lain menjelaskan melalui projek daripada kalangan belia ini memberikan komitmen untuk meningkatkan kesedaran terhadap komuniti kurang pendengaran.

Beliau menjelaskan 'Wings of Inclusion' bertujuan untuk memupuk sifat empati, menanamkan nilai-nilai murni dan juga turut membanteras stigma sosial terhadap CODA dan kanak-kanak kurang pendengaran melalui pendekatan dan pengenalan aktiviti interaktif berupa permainan tradisional

Brunei yang inklusif.

Di samping itu, program tersebut juga turut menyahut Sustainable Development Goals (SDGs), Reduced Inequalities dan Sustainable Cities.

Selain itu tambahnya, projek ini juga dihasrat menjadi pemangkin kepada perubahan positif, serta menggalakkan pembentukan persekitaran yang lebih inklusif dan menyokong perkembangan sosial mereka.

"InsyaaAllah, melalui projek ini, kami berharap dapat memupuk interaksi sosial, membina keyakinan diri, serta mengeratkan keharmonian hidup bermasyarakat sesama kita sebagai warga Negara Brunei Darussalam, dan setiap individu berhak menjadi sebahagian daripada masyarakat yang lebih luas di mana akses, komunikasi, dan rasa hormat menjadikan inklusi sebenar satu kenyataan," ujarnya.

Kemuncak acara menyaksikan para peserta mengambil bahagian dalam aktiviti berasaskan permainan tradisional yang direka untuk membina kerjasama berpasukan dan komunikasi, dibimbing oleh fasilitator di beberapa stesen.

Setiap peserta juga menerima bawar 'Back to School' bernilai BND15 yang disampaikan oleh tetamu kehormat, Yang Dipertua selaku Presiden BERSATU, Dayang Hajah Rosmawatiniah binti P.A. Haji Ibrahim.

Program diakhiri dengan doa penutup serta sesi bergambar ramai.

'Wings of Inclusion' merupakan sebahagian daripada misi SSEAYP yang lebih luas untuk memupuk kepimpinan belia, pertukaran budaya dan tanggungjawab sosial merentasi Asia Tenggara dan Jepun.

Melalui inisiatif seperti ini,

BYP-49 terus menunjukkan komitmen mereka dalam membina masyarakat yang penuh belas kasihan dan inklusif.

SALAH seorang peserta semasa menyertai aktiviti pada majlis tersebut.





MINDA PEMBACA

TAJUK-TAJUK MINDA PEMBACA :

1. 'Ancaman Pencemaran Udara Terhadap Kesihatan Masyarakat'. Tarikh Tutup : 17 Disember 2025
2. 'Memerangi Rasuah Dari Akar Umbi'. Tarikh Tutup : 24 Disember 2025
3. 'Memperkasa Komuniti OKU: Membangun Masyarakat Inklusif'. Tarikh Tutup : 31 Disember 2025

TERMA DAN SYARAT :

1. Penyertaan dibuka kepada orang ramai yang berusia lingkungan 15 hingga 40 tahun, yang terdiri daripada rakyat dan penduduk Negara Brunei Darussalam kecuali warga Jabatan Penerangan.
2. Pendapat awda hendaklah ditaip jarak **langkau dua baris** dan panjang pendapat awda mestilah antara 200 hingga 300 patah perkataan.
3. **Nama penuh, nombor kad pengenalan, alamat lengkap dan nombor telefon** hendaklah disertakan dan dihantar kepada :

SIDANG PENGARANG MINDA PEMBACA
Bahagian **PELITA BRUNEI**, Jabatan Penerangan
Lapangan Terbang Lama, Berakas
Bandar Seri Begawan, BB3510
Negara Brunei Darussalam atau melalui e-mel :
pelita.brunei@information.gov.bn

Menangi
BND75

SETIAP MINGGU

Tunggu apa lagi ... Hantarkan pendapat awda sekarang

PUPUK KESEDARAN SIVIK, SEMANGAT KESUKARELAWANAN



PEMANGKU Pengarah Penerangan, Dayang Siti Bismi Nuruliman binti Haji Awang Emzah semasa sesi bergambar ramai bersama para peserta Program Sivik Negara Brunei Darussalam Kali Pertama bagi Tahun 2025/2026.

matlamat negara, program tersebut dirancang untuk mempersiapkan generasi masa hadapan sebelum mereka melangkah ke alam pekerjaan dengan memberikan pendedahan tentang nilai-nilai kenegaraan, kepimpinan, dan tanggungjawab sosial.

Selain itu, program dihasratkan dapat memberikan pengalaman baharu kepada para peserta, termasuk memperkenalkan mereka kepada perbezaan sosiobudaya, fahaman, dan adat resam yang boleh mempengaruhi gaya hidup mereka.

Para peserta program terdiri daripada para mahasiswa dan mahasiswi serta graduan yang sedang dan telah menjalani pengajian di luar negara seperti Republik Arab Mesir, Australia dan United Kingdom serta universiti - universiti tempatan termasuk Universiti Brunei Darussalam (UBD), Universiti Islam Sultan Sharif Ali (UNISSA), Universiti Teknologi Brunei (UTB), Kolej Universiti Perguruan Ugama Seri Begawan (KUPU SB) dan Kolej IGS.

Oleh : Nooratini Haji Abas
Foto : Muhammad Asri Haji Awang Abas

BERAKAS, Sabtu, 13 Disember. - Program Sivik Negara Brunei Darussalam Kali Pertama bagi Tahun 2025 / 2026 menutup tirainya petang tadi dengan Majlis Penyampaian Sijil kepada 48 peserta yang disempurnakan oleh Pemangku Pengarah Penerangan, Dayang Siti Bismi Nuruliman binti Haji Awang Emzah.

Majlis yang diadakan di Dewan Auditorium, Jabatan Penerangan itu dimulakan dengan bacaan Surah Al-Fatihah dan Doa Selamat oleh peserta program, Awang Hasan Nasrullah Aiman bin Mohamad Azami, graduan dari Universiti Al-Azhar, Republik Arab Mesir.

Ketua Peserta Program Sivik, Awang Muhammad Naji bin Merali, juga graduan dari Universiti Al-Azhar, Republik Arab Mesir, dalam ucapannya antara lain menyatakan bahawa taklimat dan lawatan yang disediakan dalam program ini amat komprehensif dan menyeluruh dalam membantu meningkatkan jati diri serta meningkatkan pengetahuan para peserta.

Hadiri pada majlis penutup program ialah pegawai-pegawai dari Jabatan Penerangan, Jabatan Perdana Menteri; dan Jabatan Pengajian Islam, Kementerian Hal Ehwal Ugama; juga ibu bapa serta penjaga.

Sepanjang program ini, para peserta berpeluang mendengarkan taklimat-taklimat daripada Jabatan Penerangan, Pasukan Polis Diraja Brunei (PPDB), Biro Mencegah Rasuah, Jabatan Hal Ehwal Syariah, Kementerian Hal Ehwal Ugama, Pejabat Wawasan Brunei dan Pihak Berkuasa Industri Teknologi Info-Komunikasi Brunei Darussalam (AITI).

Para peserta juga mengikuti aktiviti berkumpulan dan sesi perkongsian, serta membuat lawatan ke beberapa institusi dan organisasi seperti Jabatan Adat Istiadat Negara (JAIN), Muzium PPDB, Balai Khazanah Islam Sultan Haji Hassanah Bolkiah dan Muara International Fish Landing Sendirian Berhad (MIFL).

Sebagai sebahagian daripada

pengisian rohani, program tersebut juga diselitkan dengan sembahyang berjemaah.

Sebagai usaha untuk memupuk kesedaran sivik dan semangat kesukarelawan dalam kalangan peserta, program berkenaan turut melibatkan sesi perkongsian bersama usahawan tempatan daripada Nextcloud Technologies Sendirian Berhad, New Wave Films dan AE Jaya Enterprise.

Di samping memberikan kefahaman dan maklumat mengenai falsafah, aspirasi dan

Sambutan Hari Bahasa Arab Sedunia, 18 Disember ini

SALAMBIGAR, Sabtu, 13 Disember. - Unit Ta'zeez Al-Luhghah Al-'Arabiah, Bahagian Sekolah Arab, Jabatan Pengajian Islam (JPI), Kementerian Hal Ehwal Ugama akan menganjurkan aktiviti berbahasa Arab sempena Sambutan Hari Bahasa Arab Sedunia 1447 Hijrah / 2025 Masihi yang akan diadakan pada Khamis, 27 Jamadilakhir 1447H bersamaan 18 Disember 2025M.

Acara akan diadakan mulai 10.30 pagi hingga 4.30 petang, bertempat di OneCity Shopping Centre, Kampung Sungai Hanching.

Tema sambutan pada tahun ini ialah 'Perspektif Inovatif Bahasa Arab: Dasar dan Amalan untuk Masa Depan Linguistik yang Lebih Inklusif'.

Sambutan Hari Bahasa Arab Sedunia (World Arabic Language Day - WALD) disambut pada setiap 18 Disember bersempena dengan pengiktirafan bahasa Arab oleh Pertubuhan Bangsa - Bangsa Bersatu (PBB) sebagai salah satu bahasa rasmi dunia.

Antara tujuan Sambutan Hari Bahasa Arab Sedunia ini ialah untuk menyemarakkan semangat dan minat masyarakat terhadap bahasa Arab, khususnya dalam kalangan pelajar agar mereka dapat mempraktikkan dan menghayati keindahan bahasa Al-Quran serta bahasa komunikasi Rasulullah Sallallahu Alaihi Wasallam.

Orang ramai adalah dijemput hadir dan penyertaan adalah percuma.

Pelbagai aktiviti menarik termasuk permainan berunsur


Siaran Akhbar dan Infografik : Jabatan Pengajian Islam



bahasa serta hadiah istimewa turut disediakan bagi memeriahkan lagi acara.

Marilah bersama - sama

memupuk kecintaan terhadap bahasa Arab sambil menyertai program yang santai, bermanfaat dan penuh pengisian ini.



سردار سري

بودايا ممباچ، أساس مشاركت برعلمو

جماعه يغ درحمي الله،

برتقوى له كيت كحضرة الله ﷺ دغن منيغكتكن كللمانن كقدن. سسوغكوهن اورغ يغ فالينغ مليا دسيسى الله ﷻ ايت ايله اورغ يغ فالينغ برتقوى. موده-مودهن كيت منجادي انسان يغ سنتياس مغايغي الله ﷻ براوله كجيان دان كسلامن ددنيا دان جوك داخيرة.

جماعه يغ درحمي الله،

إسلام مهوره كيت برفيكير، بلاجر، ممباچ، منوليس، منيلاي دان برعمل دغن علمو. سبب ايت، وحيو ترأول يغ تورون كقد نبي محمد ﷺ اداله تنتغ ممباچ دان بلاجر. الله ﷻ برفرمان دالم سورة العلق آية ۱-۵:

تفسيرن: باجله (واهي نبي محمد) دغن (مبيوت) نام توهنمو يغ منجفتانكن (سكالين مخلوق). دي تله منجفتانكن مأنسي درفد سكومقل داره بكو. باجله، دان توهنمو مها قومره. يغ مغاخر (مأنسي منوليس) دغن قلم (فينا). دي مغاخر مأنسي اف يغ تيدق دكهويون.

جماعه يغ درحمي الله،

آية ترسيوت منوغوفكن بتاف فتنينغ ممباچ. كمودين فرهاتيكنله، الله ﷻ مبيوت "اقرأ باسم ربك" ياييت باجله دغن مبيوت نام توهنمو. آية اين مغاخركن كيت بهاوا ممباچ دالم اسلام بوكن سقدر مغميل معلومت، تنافي ممبينا إيمان، أخلاق دان حكمه. ممباچ يغ بئر بوكن سقدر منجدرسكن عقل تنافي ممبينا أمانه، ميوهوركن تقوى دان مغينندركن كيت درفد فيليويغن سقرتي رسواه دان لماكن هرتا سجارا باطل. جلسله ممباچ دالم اسلام اكن ملاهركن همبا يغ توندوق، بوكن مأنسي يغ سومبوغ. مك دغن ممباچ، كيت بوليه ممهامي القرآن، حديث، سجاره اسلام دان علمو فغتهوان يغ ممباوا كقد كماجوان ديري، بغسا، أكام دان نكارا. دغن ممباچ جوك، ممبوليهكن سساورغ انسان ايت مبيارلواسكن علمو كفهمن ملالوي فتوليسن. جوسزو ايت، الله ﷻ جوك برسومقه دغن فينا (قلم)، مننداكن كموليان علمو، توليسن دان جاتنن يغ أمانه. فرمان الله ﷻ دالم سورة القلم آية ۱:

تفسيرن: نون، دمي قلم (فينا) دان اف يغ مريك توليس.

جماعه يغ درحمي الله،

سيمغنن ممباچ دان منوليس ساعت بركايت راقت انتارا ساتو دان لايين. جك تيدق فندي ممباچ مك تيدق اكن فندي منوليس. ممباچ ايت منجاوهكن ديري درفد كجاهلن دان دافت ملاتيه ميندا كيت برفيكيرن فوسيتيف، تربوكا دان مانغ، ممبتنوق أخلاق موليا، بركفرياديان ترفوجي دان ممبينا جاتي ديري يغ دريضاي اوليه الله ﷻ سبب الله ﷻ اوليه ايت، اداله منجادي تغكوغجواب كيت سباكي ايوو ياف اونتوق ممبودايانن أنق-أنق كيت سوفاي كمار ممباچ داول اوسيا لاکي.

دالم حال اين، كباوه دولي يغ مها مليا فادك سري بكنندا سلطان دان يغ دفتوتان نكارا بروني دارالسلام تله برتبه برسمقنا ميمبوت أول تاهون بهارو ۲۰۱۳ مسيحي. انتارا فتينن تيته بكنندا:

"نامون اوسها اين سوكر اونتوق برحاصل، جك كيت كاكل ممرفلغكفنن أنق-أنق سكوله دغن كماهرون-كماهرون أساس، سقرتي ممباچ، منوليس دان مغيرا. اين فتنينغ، دان سكاليكوس فرلو دجاديكن بودايا كران بغسا يغ ماجو، مريك ايت فسني قوات ممباچ، بايق منوليس سرت فندي مغيرا." دمكين بكنندا برتبه.

جلس دري فتينن تيته ترسيوت بتاف بكنندا مغايغينكن رعيه دان فندودوق دنكارا اين مميليكي علمو فغتهوان يغ تيغكي دان برجايا.

جماعه يغ درحمي الله،

نبي كيت سيدنا محمد ﷺ ايله رسول يغ مغهيدوفكن بودايا علمو والافون بكنندا ايله أمي (تيدق ممباچ دان منوليس)، بكنندا سنتياس برتلاوه القرآن، ممباچانن دان مغاخركن القرآن كقد فارا صحابة، سرتا مندوروغ أومة منونتوت علمو دان ممفلاجري كماهرون ممباچ دان منوليس. بكنندا ﷻ جوك مكالقكن أومة اسلام منونتوت علمو. درفد أبو هريرة راية دي بركات، رسول الله ﷻ تله برسبدا: وَمَنْ سَلَكَ طَرِيقًا يَلْتَمِسُ فِيهِ عِلْمًا سَهَّلَ اللَّهُ لَهُ بِهِ طَرِيقًا إِلَى الْجَنَّةِ.

مقصودن:

بارغ سياف منمقوه جالن اونتوق منجاري علمو، مك الله اكن مودهكن جالن كشرك باكين. {حديث رواية إمام مسلم}

بودايا علمو اين كمودين دتروسكن اوليه فارا صحابة، تابعين دان فارا علماء. جوسزو ايت، جنراسي دزمان ككميلغن اسلام تركنل دغن كسوغكوهن منونتوت علمو دان ممفلاجري القرآن. دالم جاتنن سيرة، اسلام تله مغاغكت درجه كماهرون منوليس دان ممباچ سجع أول لاكي. دسيوت بهاوا سبهاكين تاونن فرغ بدر ممبينا اونتوق ديبيسكن. بكنندا برستوجو دغن فرموهونن ايت، اكن تنافي دغن شرط سيلوم ديبيسكن، تاوانن ترسيوت هندقله تربليه دهولو مغاخر أنق-أنق اورغ اسلام ممباچ دان منوليس. درفد ابن عباس راية ديري بركات: كَانَ نَاسٌ مِنَ الْأَسْرَى يَوْمَ بَدْرٍ لَمْ يَكُنْ لَهُمْ فِدَاءٌ، فَيَجْعَلُ رَسُولُ اللَّهِ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ فِدَاءَهُمْ أَنْ يَعْلَمُوا أَوْلَادَ الْأَنْصَارِ الْكِتَابَةَ.

مقصودن: اورغ-اورغ دري تاوانن فرغ بدر تيدق مميليكي تبوسن. لالو رسول الله ﷻ منجاديكن تبوسن مريك اداله دغن مغاچاري أنق-أنق أنصار منوليس.

اينله ساتو فقاجرن بسر بهاوا ممبينا مشاركت برعلمو بوكن كرجا سيقغن، تنافي سبهاكيان درفد كقواتن أومة دان أساس ممباغون فرادابن.

جماعه يغ درحمي الله،

افيل أومة اسلام منجيتاي علمو، لاهيرله توكوه. انتارا توكوه اسلام كميلغ سقننغ زمان يغ مغوبه دنيا دان مولياكن أكام، اداله:

قرتام: إمام البخاري ياييت ساورغ علماء حديث يغ ساعت تليتي، بلياو فغومقول دان ميارينغ حديث نبي محمد ﷺ دغن سقنو أمانه سهيغك لاهير كتاب حديث يغ مشهور.

كدوا: إمام الغزالي ياييت ساورغ علماء يغ مكاوبوغكن علمو شريعة، أخلاق دان قميكيرن. مغاخر كيت اداب علمو دان فوجين جيووا.

كيتك: أَلْخَوَارِزْمِي ياييت ساورغ فاكه ماتيماتيك تركنل يغ مغميشكن علمو كيرا-كيرا دان أساس أَلْجَبَر يغ ميري منفعة بسر كقد مأنسي.

كامقت: ابن سينا ياييت ساورغ فاكه فرأوبن. علمو دان فتوليسن ميري سوميغن بسر دالم دنيا كصيحجن.

كليما: إِبْنُ أَهْلِيَمَّ ياييت ساورغ فاكه يغ ممبينا أساس فتنينغ كقد بيدغ ساءينس. كامم: أَلْبِيرُونِي ياييت ساورغ توكوه فلباكي بيدغ يغ مونجول دالم فليديقن علمو. انتاران: أَسْزُونُومِي، ماتيماتيك دان علمو كاجي بومي.

مريك اين سنوان لاهير ملالوي بودايا ممباچ، مكاچي، منوليس دان برعمل دغن علمو. مك دغن منلاداني توكوه علموان اين، جلس اسلام ممبينا كماجوان ملالوي علمو يغ برمنفعة ياييت علمو أكام يغ ممبينيغ إيمان دان عباده سرت علمو دنيا يغ مغوكوهكن أومة، ممباغون نكارا دان منجاك كمصلحن رعية.

جماعه يغ درحمي الله،

ماريله كيت هيدوفكن بودايا ممباچ دان علمو سباكي علمن هارين كلوارك دان مشاركة. جاديكن رومه بوكن سقدر تمقت رجت تنافي جوك تمقت تربيه. مسجد سباكي فوست عبادة دان علمو. سكوله تمقت منام جيتنا علمو دان اداب يغ موليا. سسوغكوهن اوسها ممبينا مشاركة برعلمو دان براداب موليا اداله جوك أسقراسي نكارا ملالوي واوسن ۲۰۳۵ ياييت ملاهركن رعية يغ برفنديقن، بركماهرون تيغكي دان برجايا، دسقيغ ممباغونكن كهيدوفن يغ بركواليي دان كماجوان يغ ممغن. موده-مودهن كيت ديري كفهمن دالم أكام دان كفهمن علمو يغ برمنفعة باكي كسغنن دان كجايان هيدوف دنيا دان داخيرة. آمين يا رَبَّ الْعَالَمِينَ.

تفسيرن: واهي اورغ-اورغ يغ برلمان! افيل دكاتكن كقد كامو: "لافتككله تمقت دودوق دجلس-مجلس (اونتوق اورغ لايين)"، مك لافتككله، نسجاي الله ميري كلافنن اونتوق كامو. دان افيل دكاتكن: "برديرله"، هندقله كامو برديري، نسجاي الله منيغكيكن اورغ-اورغ يغ برلمان انتارا كامو دان اورغ-اورغ يغ ديري علمو فغتهوان أكام براف درجت. دان الله مها تليتي ترهادف اف يغ كامو كرجاكن. {سورة المجادلة آية: ۱۱}

بَارَكَ اللَّهُ لَنَا فِي الْقُرْآنِ الْعَظِيمِ، وَنَفَعَنَا بِالْآيَاتِ وَالذِّكْرِ الْحَكِيمِ. وَتَقَبَّلْ مِنَّا تِلَاوَتَهُ إِنَّهُ هُوَ السَّمِيعُ الْعَلِيمُ، وَأَسْتَغْفِرُ اللَّهَ الْعَظِيمَ لِي وَلَكُمْ وَلِسَائِرِ الْمُسْلِمِينَ وَالْمُسْلِمَاتِ وَالْمُؤْمِنِينَ وَالْمُؤْمِنَاتِ فَاسْتَغْفِرُوهُ فَيَا قَوْمَ الْمُسْتَغْفِرِينَ وَيَا نَجَاةَ الْتَائِبِينَ.

دعاء مموهن كقد الله سقاي ترسلامة درقد بلاء دان سكل جنيس قياكيت

DOA MEMOHON KEPADA ALLAH SUPAYA TERSELAMAT DARIPADA BALA DAN SEGALA JENIS PENYAKIT

بِسْمِ اللَّهِ الرَّحْمَنِ الرَّحِيمِ

الْحَمْدُ لِلَّهِ رَبِّ الْعَالَمِينَ، وَالصَّلَاةُ وَالسَّلَامُ عَلَى سَيِّدِنَا مُحَمَّدٍ وَعَلَى آلِهِ وَصَحْبِهِ أَجْمَعِينَ.

لَا إِلَهَ إِلَّا أَنْتَ سُبْحَانَكَ إِنِّي كُنْتُ مِنَ الظَّالِمِينَ ﴿3 كالي﴾.

نَعُوذُ بِكَلِمَاتِ اللَّهِ التَّامَّاتِ مِنْ شَرِّ مَا خَلَقَ ﴿3 كالي﴾.

بِسْمِ اللَّهِ الَّذِي لَا يَضُرُّ مَعَ اسْمِهِ شَيْءٌ فِي الْأَرْضِ وَلَا فِي السَّمَاءِ وَهُوَ السَّمِيعُ الْعَلِيمُ ﴿3 كالي﴾.

بِسْمِ اللَّهِ وَالْحَمْدُ لِلَّهِ مُحَمَّدٌ رَسُولُ اللَّهِ لَا قُوَّةَ إِلَّا بِاللَّهِ.

بِسْمِ اللَّهِ عَلَى دِينِنَا وَأَنْفُسِنَا.

بِسْمِ اللَّهِ عَلَى أَهْلِنَا وَأَمْوَالِنَا.

بِسْمِ اللَّهِ عَلَى كُلِّ شَيْءٍ أَعْطَانَا رَبُّنَا.

بِسْمِ اللَّهِ خَيْرِ الْأَسْمَاءِ. بِسْمِ اللَّهِ رَبِّ الْأَرْضِ وَالسَّمَاءِ. بِسْمِ اللَّهِ الَّذِي لَا يَضُرُّ مَعَ اسْمِهِ دَاءٌ. بِسْمِ اللَّهِ أَفْتَتَحُنَا وَبِاللَّهِ اخْتَتَمْنَا وَعَلَى اللَّهِ تَوَكَّلْنَا. تَخَصَّنَا بِذِي الْعِزَّةِ وَالْجَبَرُوتِ. وَاعْتَصَمْنَا بِرَبِّ الْمَلَكُوتِ وَتَوَكَّلْنَا عَلَى الْحَيِّ الَّذِي لَا يَمُوتُ.

اللَّهُمَّ إِنَّا نَعُوذُ بِكَ مِنَ الْبَرَصِ، وَالْجُنُونِ، وَالْجَذَامِ، وَمِنْ سَيِّئِ الْأَسْقَامِ.

اللَّهُمَّ أَصْرِفْ عَنَّا وَعَنْ سُلْطَانِنَا وَبِلَادِنَا وَجَمِيعِ الْمُسْلِمِينَ فِي كُلِّ مَكَانٍ الْبَلَاءَ وَالْوَبَاءَ وَالطَّعْنَ وَالطَّاعُونَ وَسَائِرَ الْأَمْرَاضِ وَقِنَا شَرَّ الرَّدَى بِطُفْلِكَ يَا لَطِيفُ يَا خَبِيرُ إِنَّكَ عَلَى كُلِّ شَيْءٍ قَدِيرٌ ﴿3 كالي﴾.

وَصَلَّى اللَّهُ عَلَى سَيِّدِنَا مُحَمَّدٍ وَعَلَى آلِهِ وَصَحْبِهِ وَسَلَّمَ، وَالْحَمْدُ لِلَّهِ رَبِّ الْعَالَمِينَ.

TERJEMAHAN DOA-DOA MEMOHON KEPADA ALLAH SUPAYA TERSELAMAT DARIPADA BALA DAN SEGALA JENIS PENYAKIT

Dengan nama Allah Yang Maha Pengasih lagi Maha Penyayang.

Segala puji bagi Allah Tuhan semesta alam, selawat dan salam ke atas junjungan kami Nabi Muhammad shallallahu 'alaihi wassalam dan ke atas keluarga Baginda dan sahabat-sahabat baginda sekalian.

Sesungguhnya tiada Tuhan (yang dapat menolong) melainkan Engkau Ya Allah! Maha Suci Engkau (daripada melakukan aniaya). Sesungguhnya aku adalah dari orang-orang yang menganiaya diri sendiri. (3x)

Kami berindung dengan (kebesaran) kalimah-kalimah Allah yang sempurna dari segala kejahatan yang ada. (3x)

Dengan nama Allah yang tidak memberi mudarat bersama nama-Nya apa yang ada di bumi dan jua di langit, dan Dia Maha Mendengar lagi Maha Mengetahui. (3x)

Dengan nama Allah dan segala puji hanya bagi Allah, Muhammad pesuruh Allah, (kami) tiada upaya melainkan dengan (pertolongan) Allah.

Dengan nama Allah (kami bermohon bagi keselamatan) ke atas agama kami dan diri kami. Dengan nama Allah (kami bermohon bagi keselamatan) ahli-ahli kami dan harta benda kami. Dengan nama Allah (kami bermohon bagi keselamatan) ke atas setiap sesuatu yang Allah berikan kepada kami. Dengan nama Allah sebaik-baik nama. Dengan nama Allah Tuhan (bagi sekalian makhluk) di bumi dan di langit. Dengan nama Allah yang tidak memberi bahaya sebarang penyakit bersama nama-Nya. Dengan nama Allah kami memulakan (segala sesuatu) dan dengan (nama) Allah kami mengakhiri (segala sesuatu) dan kepada Allah kami berserah.

Kami memelihara diri kami dengan (Allah) Yang Mempunyai Kekuatan dan Kekuasaan. Dan kami berpegang dengan Tuhan Yang Memiliki Kekuasaan, dan kami berserah pada (Allah) Yang Sentiasa Hidup, Yang Tidak Mati.

Ya Allah, Ya Tuhan kami, sesungguhnya kami berindung kepada-Mu dari penyakit sopak, gila dan kusta serta dari seburuk-buruk penyakit.

Ya Allah, Ya Tuhan kami, lindungilah kami, dan pemerintah kami dan negara kami serta seluruh orang-orang Islam di setiap pelusuk tempat daripada bala' bencana, wabak, ancaman, penyakit taun dan segala jenis penyakit dan lindungilah kami dari kebinasaan dengan belas kasih-Mu wahai Yang Maha Lembut tadbirnya (serta melimpah-limpah kebaikan dan belas kasihan-Nya) wahai yang Maha Meliputi segala Yang tersembunyi, sesungguhnya Engkau Maha Berkuasa atas tiap-tiap sesuatu (3x).

Dan Engkau (Allah) cucurilah dengan sepenuh rahmat ke atas junjungan kami Nabi Muhammad dan ke atas ahli-ahli keluarga baginda dan seluruh sahabat baginda. Dan segala puji hanya bagi Allah Tuhan Pentadbir seluruh alam.

AYAT KURSI, SELAWAT, ZIKIR-ZIKIR AMALAN HARIAN

اية الكرسي

(صلوات تفرجية)

سَيِّدُ الْإِسْتِغْفَارِ

اَللّٰهُ لَا اِلٰهَ اِلَّا هُوَ الْحَيُّ الْقَيُّوْمُ لَا تَاْخُذُهٗ
سِنَةٌ وَّلَا نَوْمٌ لَّمْ يَمَّا فِى السَّمٰوٰتِ وَمَا
فِى الْاَرْضِ مَنْ ذَا الَّذِى يَشْفَعُ عِنْدَهٗ
اِلَّا بِاِذْنِهٖ يَعْلَمُ مَا بَيْنَ اَيْدِيهِمْ وَمَا خَلْفَهُمْ
وَلَا يُحِيطُوْنَ بِشَيْءٍ مِّنْ عِلْمِهٖ اِلَّا بِمَا شَاءَ
وَسِعَ كُرْسِيُّهٗ السَّمٰوٰتِ وَالْاَرْضُ وَلَا يَـُٔوْدُهٗ
حِفْظُهُمَا وَهُوَ الْعَلِىُّ الْعَظِيْمُ ﴿٢٥٥﴾

Peringatan :

Ayat ini dibaca bagi menolak bala, dalam kesusahan, dalam kesempitan rezeki, keadaan cuaca yang memberi takut atau apa jua keadaan yang menakutkan. Jika keadaan-keadaan ini berlaku, maka hendaklah diulang bacaan pada ayat 70 kali. Hingga keadaan hilang menjadi baik dan sempurna).

اَللّٰهُمَّ صَلِّ صَلَاةً كَامِلَةً وَسَلِّمْ سَلَامًا تَامًا عَلٰى سَيِّدِنَا مُحَمَّدٍ
الَّذِى تَنَحَّلَ بِهٖ الْعَقْدُ، وَتَنَفَّرَجَ بِهٖ الْكُرْبُ، وَتُقَضِّى بِهٖ
الْحَوَائِجُ، وَتُنَالُ بِهٖ الرِّغَايِبُ وَحُسْنُ الْخَوَاتِمِ، وَيُسْتَسْقٰى
الْعَمَامُ بِوَجْهِهٖ الْكَرِيْمِ، وَعَلٰى اٰلِهٖ وَصَحْبِهٖ فِى كُلِّ لَمَحَةٍ
وَنَفْسٍ بَعْدَ كُلِّ مَعْلُوْمٍ لَّكَ.

Maksudnya :

Wahai Tuhan Kami! Limpahkanlah rahmat dan nikmat yang sempurna dan kesejahteraan yang cukup ke atas penghulu kami Nabi Muhammad yang dengan berkatnya semoga akan terhapuslah segala kesusahan serta tertunailah segala hajat, juga akan tercapailah segala maksud dan kesudahan umur yang baik (mati di dalam keadaan aman), dan terkabullah cucuran air hujan rahmat dengan berkat peribadinya yang mulia. Dan ke atas semua keluarganya serta para sahabatnya pada setiap kerdipan mata dan hembusan nafas, maka semoga Engkau limpahkan dengan cucuran rahmat kesejahteraan serta keselamatan yang cukup sempurna).

Penerangannya :

Selawat ini amat luas rahsianya, dapat melapangkan segala kesukaran sesiapa yang membacanya setiap kali lepas sembahyang fardu atau tiap-tiap hari.

اَللّٰهُمَّ اَنْتَ رَبِّىْ لَا اِلٰهَ اِلَّا اَنْتَ، خَلَقْتَنِيْ وَاَنَا عَبْدُكَ،
وَاَنَا عَلٰى عَهْدِكَ وَوَعْدِكَ مَا اسْتَطَعْتُ، اَعُوْذُ بِكَ مِنْ
شَرِّ مَا صَنَعْتُ، اَبُوْءُ لَكَ بِنِعْمَتِكَ عَلَيَّ وَاَبُوْءُ بِذُنُوبِيْ،
فَاَغْفِرْ لِيْ فَاِنَّهٗ لَا يَغْفِرُ الذُّنُوْبَ اِلَّا اَنْتَ.

Maksudnya :

"Ya Allah! Engkaulah Tuhanku. Tiada tuhan yang sebenar selain Engkau. Engkau telah menciptakan ku, dan aku hamba-Mu. Aku berada dalam ikatan janji-Mu menurut kemampuanku. Aku berlindung dengan-Mu daripada kejahatan yang ku lakukan. Aku sedari akan nikmat-Mu kepadaku. Dan aku sedari akan dosa-dosaku. Maka ampunilah aku. Sesungguhnya tiada yang dapat mengampunkan dosa kecuali Engkau".

Fadilatnya :

Jika pada siang hari seseorang membaca doa ini dengan keteguhan iman dan meninggal dunia sebelum matahari turun, maka ia akan menjadi penghuni syurga. Dan jika seseorang membaca doa ini pada malam hari dengan keteguhan iman dan meninggal dunia sebelum pagi tiba, maka ia akan menjadi penghuni syurga.

ذكر بچاءن يغ مباوا كبراونتوغن ساعت بسر كقد قشعملن (تولق بلاء)

بِسْمِ اللّٰهِ الرَّحْمٰنِ الرَّحِيْمِ
وَلَا حَوْلَ وَلَا قُوَّةَ اِلَّا بِاللّٰهِ الْعَلِيِّ الْعَظِيْمِ (3)

(Dengan Nama Allah Yang Maha Pemurah Lagi Maha Penyayang, dan tiada daya upaya serta kekuatan (kuasa) melainkan bagi Allah Yang Maha Tinggi Lagi Maha Agung jua).

Penerangan :

Menurut hadis, barang siapa mengalami kesusahan atau dalam keadaan sukar, maka bacalah zikir ini, nescaya Allah dengan kuasa-Nya akan melepaskan orang itu daripada apa jua bentuk kesusahan atau bencana yang dialaminya.

اَسْتَغْفِرُ اللهَ الْعَظِيْمِ (2)

(Aku memohon ampun kepada Allah Yang Maha Agung).

Penerangan :

Bacaan ini diamalkan sendiri oleh Nabi Sallallahu Alaihi Wasallam sebanyak 100 kali pada setiap hari, keutamaannya menghapus dosa, menutup aib, menyampaikan hajat dan berkat harta benda. Menurut satu riwayat hadis, sesiapa yang membiasakan membacanya, maka Allah akan memberinya jalan keluar daripada setiap dukacita, daripada kesempitan dan kesusahan juga mengurniakkannya rezeki daripada sumber yang dia sendiri tidak menyedari.

حَسْبُنَا اللهُ وَنِعْمَ الْوَكِيْلُ (1)

(Memadailah Allah untuk menolong kami dan Dialah yang sebaik-baik pelindung).

Penerangan :

Ini adalah ayat Al-Quran, Surah Ali 'Imran, ayat 173. Menurut hadis, jika seseorang mengalami atau menghadapi perkara-perkara besar yang sangat sukar, maka bacalah zikir ini. Elok dibaca 100 kali atau lebih.

يَا حَيُّ يَا قَيُّوْمُ، بِرَحْمَتِكَ اَسْتَغِيْثُ (5)

(Wahai Tuhan Yang Maha Hidup Lagi Maha Berdiri Sendiri, dengan rahmat-Mu jua, tolonglah aku / bantulah aku!).

Penerangan :

Ini adalah zikir hebat, Barang siapa yang membacanya pagi dan petang, seolah-olah dia memohonkan semua kebaikan dunia dan akhirat dan sekali gus mengharap pertolongan Allah dalam apa jua perkara yang dimahaminya. Di dalam sebuah riwayat, Nabi Sallallahu Alaihi Wasallam telah berwasiat (berpesan) kepada puteri Baginda, Fatimah Az-Zahra' supaya membaca zikir ini pagi dan petang.

وَأُفَوِّضُ اَمْرِيْ اِلَى اللّٰهِ (4)

(Dan aku menyerahkan urusanku (hanya) kepada Allah jua).

Penerangan :

Ini adalah ayat Al-Quran, Surah Ghafir, ayat 44. Zikir ini diamalkan bagi menggagalkan daripada segala musibah berlaku. Malah binatang buas, seperti singa yang dirancang untuk memangsakan seseorang, didapati enggan bertindak untuk mencederakan orang itu, berkat membaca doa ini.


**JABATAN KASTAM DAN EKSAIS DIRAJA
KEMENTERIAN KEWANGAN DAN EKONOMI**

Rujukan Sebut Harga:
JKED / TAWARAN / UPDP / BHEK / Q / 2025 - 36
Pembekalan Heavy Duty Rain Jacket & Pants With Reflector, Heavy Duty Long Raincoat With Reflector Dan Automatic Inflatable Life Jacket Untuk Jabatan Kastam dan Eksais Diraja, Kementerian Kewangan dan Ekonomi, Negara Brunei Darussalam

Tarikh Tutup:
Selasa, 23 Disember 2025



Rujukan Tawaran:
JKED / TAWARAN / UPA / BHEK / Q / 2025 - 38
Pembekalan dan Pemasangan Queue Management System (QMS) Di Pos Kawalan Pejabat Jabatan Kastam dan Eksais Diraja, Pejabat Pos Airport Lama, Berakas, Kementerian Kewangan dan Ekonomi, Negara Brunei Darussalam

Tarikh Tutup:
Selasa, 23 Disember 2025



Rujukan Sebut Harga:
JKED / TAWARAN / UPDP / BHEK / Q / 2025 - 37
Pembekalan Kasut Seragam Untuk Pegawai dan Kakitangan Jabatan Kastam dan Eksais Diraja, Kementerian Kewangan dan Ekonomi, Negara Brunei Darussalam

Tarikh Tutup:
Selasa, 23 Disember 2025



Rujukan Sebut Harga:
JKED / TAWARAN / UPDP / BHEK / Q / 2025 - 34
Pembekalan Barang-Barang Alat Tulis dan Perkakasan Bagi Kegunaan Jabatan Kastam dan Eksais Diraja, Kementerian Kewangan dan Ekonomi, Negara Brunei Darussalam

Tarikh Tutup:
Selasa, 23 Disember 2025



Rujukan Sebut Harga:
JKED / TAWARAN / UPDP / BHEK / Q / 2025 - 35
Pembekalan Perabot-Perabot Pejabat Untuk Kegunaan Jabatan Kastam dan Eksais Diraja, Kementerian Kewangan dan Ekonomi, Negara Brunei Darussalam

Tarikh Tutup :
Selasa, 23 Disember 2025


KEMENTERIAN PERTAHANAN

Rujukan Tawaran:
MINDEF / DFA / FY2025 / ITAU / TA / GEN / 002 (JPPK / LTK / 09 / 2025)
Projek Design And Build Bagi Menara Pos Pemerhati Di Pulau Pepatan

Kelas:
III dan Ke Atas Sahaja

Kategori:
KA01 atau B01

Tempoh Penyiapan Kerja:
Tiga (03) Bulan

Yuran Tawaran:
BND30.00 (Tidak dikembalikan)
Tarikh terakhir bagi pembelian Borang Tawaran pada Jumaat, 9 Januari 2026.

Tarikh Tutup Tawaran:
Selasa, 13 Januari 2026.
2.00 Petang



Rujukan Tawaran:
MINDEF / DFA / FY2025 / ITAU / TA / BOL / 001 (JPPK / LTN / 13 / 2025)
Proposed Design And Build Of Covered Walkway At MINDEF Headquarter, Bolkliah Garrison

Kelas:
III Ke Atas Sahaja

Kategori:
KA01

Tempoh Penyiapan Kerja:
Enam (06) Bulan

Yuran Tawaran:
BND50.00 (Tidak dikembalikan)
Tarikh terakhir bagi pembelian Borang Tawaran pada Jumaat, 23 Januari 2026.

Tarikh Tutup Tawaran:
Selasa, 27 Januari 2026
2.00 petang.



Tidak Dikenakan Bayaran

Tarikh Tutup:
Khamis,
18 Disember 2025
Jam 8.00 Pagi



Bilangan Tawaran:
(150) INFO / PK / K / 7 (2025 - 2026)

Tajuk Sebut Harga:
(150) INFO / PK / K / 7 (2025 - 2026) :
Mencetak Poster (Insert) Dan Memasang Ke Dalam Wall Mounted Double Panel Floating Acrylic Frame

Yuran:


**JABATAN PERANCANG
BANDAR DAN DESA**

Dibukakan Kepada Pemborong-
Pemborong Yang Berdaftar Di
Negara Brunei Darussalam.

Bilangan Tawaran:
07 / 2025 / 2026
The Demolition, Removal & Dismantling Of Buildings And Structure For Department Of Town And Country Planning, Ministry Of Development, Negara Brunei Darussalam

Tarikh Buka Tawaran dan Tempat Mengambil Dokumen Tawaran:
Rabu,
10 Disember 2025

Dokumen Tawaran Boleh Diperoleh Di:
Bahagian Penguatkuasaan Akta, Tingkat 1 Bangunan Jabatan Perancang Bandar dan Desa, Kementerian Pembangunan Lapangan Terbang Lama, Berakas, Negara Brunei Darussalam

Tarikh Tutup dan Tempat Penghantaran:
Rabu,
31 Disember 2025, sebelum jam 2.00 Petang

TAWARAN hendaklah dimasukkan ke dalam Peti sebut harga dan ditujukan kepada Pengerusi Jawatankuasa Sebut Harga, Tingkat 2, Jabatan Perancang Bandar dan Desa, Jalan Lapangan Terbang Lama Berakas, Bandar Seri Begawan, Negara Brunei Darussalam

Harga Yuran Tawaran:
BND5.00
(Tidak dikembalikan)


**KEMENTERIAN HAL
EHWAL UGAMA**

Bilangan Sebut Harga :
KHEU / BPPSM / PP / C / 02(STK)2026 - 01

Sebut Harga Membekal Jamuan Makanan & Minuman Bagi Majlis-Majlis Berbentuk Latihan (Perasmian Dan Penutup Bengkel / Kursus), Aktiviti Latihan dan Kursus Bahagian Perancangan dan Pembangunan Sumber Manusia, Jabatan Pentadbiran, Kementerian Hal Ehwal Ugama Bermula 1 April 2026 Hingga 31 Mac 2027 (Selama 1 Tahun).

Tarikh Tutup Tawaran:
Rabu, 4 Februari 2026
Jam 2.00 Petang



**Jabatan Hal Ehwal Syari'ah
Kementerian Hal Ehwal Ugama
Negara Brunei Darussalam**

Bilangan dan Tajuk Sebut Harga:

26 / JS / A / 6 / 2004 PT.7
Tawaran Sebut Harga Pembelian Breathalyzer, Bagi Jabatan Hal Ehwal Syari'ah, Kementerian Hal Ehwal Ugama

Yuran Sebut Harga:
BND5.00(Tidak Dikembalikan)

Tarikh Tutup Sebut Harga:
Rabu,
3 Rejab 1447H / 24 Disember 2025M,
Tidak lewat jam 2.00 Petang



18 Disember 2025
Jam 2.00 Petang

Keterangan Lanjut Boleh Diperoleh Dari:

Seksyen Pemuliharaan Aset, Bahagian Pengurusan Pemuliharaan Estet, Di Tingkat 3, Bangunan Blok 1 (B1), Jabatan Bandaran Bandar Seri Begawan, Jalan Seri Beribi, Gadong BE1118, Bandar Seri Begawan



Bilangan Rujukan:
JBBSB / SH / 2025 - 2026 / 58 / UP / 23

Tajuk Sebut Harga :
To Renovate Existing Manholes And Sewer Lines At Block B Municipal Department Housing Kg. Subok Bandar Seri Begawan, Negara Brunei Darussalam

Hari, Tarikh dan Jam Tutup:
Khamis,





**PUSAT PEKERJAAN BRUNEI
JABATAN PERDANA MENTERI**

Bilangan Tawaran:
PPB/CIU/IT/33

Tajuk Tawaran:
The Supply And Renewal Of
Associated Software Licenses And
Subscriptions For Pusat Pekerjaan
Brunei (PPB)

Yuran Tawaran:
BND5.00
(Tidak dikembalikan dan dibayar
melalui BIBD Online)

Tarikh Buka Tawaran:
Rabu, 10 Disember 2025

Tarikh Tutup:
Rabu, 24 Disember 2025
2.00 Petang



**JABATAN
MAJLIS-MAJLIS MESYUARAT
JABATAN PERDANA MENTERI**

Bilangan:
JMM / JKSH / Q&T / 2025 /
22


Sebut harga Untuk:
To Provide Services For Integration,
Configuration And Operation Of
AudioVisual And Conference System
For The First And Second Meeting Of
Majlis Mesyuarat Negara (MMN)
2026 At Bangunan Dewan Majlis,
Jabatan Majlis-Majlis Mesyuarat,
Negara Brunei Darussalam

Bilangan:
JMM / JKSH / Q&T / 2025 /
23

Sebut harga Untuk:
Supply, Installation, Testing &
Commissioning Of Audio Conference
Systems For Dewan Persidangan
Majlis Mesyuarat Negara And Bilik
Rehat Ahli-Ahli Majlis Mesyuarat,
Bangunan Dewan Majlis,
Negara Brunei Darussalam

Tarikh Tutup:
BND5.00

Tarikh Tutup:
Selasa, 16 Disember 2025
Jam 2.00 Petang



Bilangan Sebut Harga:
IKAN / 78(Q) / 0066 / 2025

Tajuk Sebut Harga:
Request For Design, Supply And
Install Aquaculture Tanks

Tarikh Tutup:
Khamis, 8 Januari 2026



**JABATAN ALAM SEKITAR,
TAMAN DAN REKREASI
KEMENTERIAN
PEMBANGUNAN**

**Dibukakan Kepada
Pemborong-Pemborong Yang
Berdaftar
Di Negara Brunei Darussalam**

Kelas:
II, III & IV

Kategori:
KPB12

Tarikh Buka Tawaran pada:
15 Disember 2025
(Isnin)

**Tarikh Akhir Mengambil
Dokumen Tawaran:**
30 Disember 2025
(Selasa)

Tarikh Tutup Pada:
13 Januari 2026
(Selasa)
Sebelum Jam 2.00 petang

(Di Tutup di Pejabat Lembaga
Tawaran Kecil, di Tingkat Bawah
Bangunan Kementerian
Pembangunan, Lapangan Terbang
Lama Berakas,
Bandar Seri Begawan BB3510,
Negara Brunei Darussalam)

JASTRE / TEMB / T029 / 2025
Kerja-Kerja Pemeliharaan
Landskap dan Penyelenggaraan
Luar Bagi Pekan Bangar dan
Kawasan Berdekatan Daerah
Temburong Bagi Tempoh Dua
(02) Tahun.

No. Projek:
JASTRE / TEMB / T029 / 2025

Jumlah Yuran Tawaran:
BND30.00
(Non-Refundable)



**JABATAN PERIKANAN
KEMENTERIAN SUMBER-SUMBER
UTAMA DAN PELANCONGAN**

Bilangan Sebut Harga:
IKAN / 78(Q) / 0063 / 2025

Tajuk Sebut Harga:
Kerja-Kerja Perkhidmatan
Pembuangan Dan Pengangkutan
Sampah Untuk Tempoh Selama
Dua Belas (12) Bulan Bagi
Jabatan Perikanan

Tarikh Tutup:
Khamis, 8 Januari 2026



**UNIT TEKNOLOGI MAKLUMAT,
DIVISYEN PENGURUSAN
KORPORAT
KEMENTERIAN PEMBANGUNAN**

Bilangan Sebut Harga:
KPN / IT / 002 / 02.7 / 2025 / Q16
Invitation To Supply, Install,
Configure And Testing Of
Barracuda Backup Server License
Renewal For 1 Year
(17/03/2026 – 16/03/2027),
Ministry Of Development

**Bayaran Bagi Setiap
E-Dokumen Sebut harga:**
BND9.00 (Tidak dikembalikan)

Tarikh Buka:
Isnin, 15 Disember 2025

Tarikh Akhir Pembelian dan

1. Bilangan Sebut Harga:
IKAN / 78(Q) / 0061 / 2025

Tajuk Sebut Harga:
Daily General Cleaning Services At
Headquarters, Department Of
Fisheries For The Period Of Twelve
(12) Months

2. Bilangan Sebut Harga:
IKAN / 78(Q) / 0062 / 2025

Tajuk Sebut Harga:
Cleaning Services At Temburong
District Fisheries Office And Labu
Post Control Office For Period Of
Twelve (12) Months, Department
Of Fisheries

Tarikh Tutup:
Khamis, 8 Januari 2026



Pembayaran:
Sabtu, 3 Januari 2026

Tarikh Tutup:
Isnin, 5 Januari 2026
Sebelum 9.00 pagi

1. Bilangan Sebut Harga:
IKAN / 78(Q) / 0064 /
2025

Tajuk Sebut Harga:
Operate And Maintenance
Services Of Raw Sea Water
Pump System At Serasa Pump
House And Broodstock
Development Centre (BDC)
Reservoir Pond Pump For
Period Of Twelve (12) Months,
Department Of Fisheries

2. Bilangan Sebut Harga:
IKAN / 78(Q) / 0064 /
2025

Tajuk Sebut Harga:
Operate And Maintenance
Services Of Raw Sea Water Pump
System At Serasa Pump House
And Broodstock Development
Centre (BDC) Reservoir Pond
Pump For Period Of
Twelve (12) Months,
Department Of Fisheries

Tarikh Tutup:
Khamis,
8 Januari 2026



50 / BBS / SH / BKA 2025 - 2026
Kerja-Kerja Membina Kaunter
Baharu Pada Aras Bawah,
Bangunan Utama Jabatan
Bandaran Kuala Belait dan Seria,
Jalan Mckerron Kuala Belait

Dibukakan kepada
pemborong-pemborong yang
berdaftar dengan Kementerian
Pembangunan Negara Brunei
Darussalam

Kelas:
I dan II

Kategori:
KA01 dan B01

Yuran Tawaran:
BND5.00 (Tidak dikembalikan)

Tarikh Tutup:
23 Disember 2025
(Selasa)



**KESALAHAN-KESALAHAN
DI BAWAH**

AKTA SURUHANJAYA PERKHIDMATAN AWAM (PENGGAL 83)

BAB 5 DARI BAHAGIAN III KESALAHAN-KESALAHAN

Individu yang didapati dengan sengaja **memberikan maklumat yang tidak benar / menyertakan siji-siji yang palsu atau mengelirukan / menyembunyikan maklumat atau siji-siji** bagi tujuan mengelirukan Suruhanjaya Perkhidmatan Awam dan Ahli-Ahli Suruhanjaya atau mana-mana orang yang dilantik untuk menjalankan tugas-tugas Suruhanjaya dalam memproses permohonan jawatan berkenaan.

**DENDA SEBANYAK
\$10,000
DAN PENJARA SELAMA
2 TAHUN**



**PERATURAN 13 DAN PERATURAN 14 DARI
PERATURAN-PERATURAN PEGAWAI-PEGAWAI
KERAJAAN (LANTIKAN-LANTIKAN DAN
KENAIKAN-KENAIKAN PANGKAT)**

Pada bila-bila masa selepas individu diberi tawaran jawatan atau selepas dilantik **telah didapati pengakuan sumpah yang mereka buat adalah tidak benar.**

**DIKENAKAN TINDAKAN
TATATERTIB DAN BOLEH
DITAMATKAN PERKHIDMATAN
DENGAN SERTA-MERTA.**




**MAHKAMAH BESAR
NEGARA BRUNEI DARUSSALAM**
**Notis Pemberitahuan
Mahkamah Pegawai Waris
Negara Brunei Darussalam**

Pejabat Pendaftaran Waris ingin memohon kerjasama Pentadbir atau Ahli-ahli Waris bagi Allahyarham / Mending di bawah supaya akan dapat hadir ke Mahkamah Besar Sipil bagi tujuan penyelarasan pembayaran:

1. Han Cheow Kwang – Meninggal dunia pada 6 Januari 2016.
2. Hajah Hazizah binti Haji Abd Hamid – Meninggal dunia pada 24 Februari 2016.
3. Siti Norjariah binti Awang Haji Tengah – Meninggal dunia pada 3 Oktober 2017

Semua pihak yang berkenaan diminta hadir pada bila-bila masa sebelum Tarikh 31 Disember 2025.

Kehadiran adalah penting bagi memastikan proses penyelarasan dapat dilakukan dengan teratur dan mengikut ketetapan undang-undang.

Tarikh : 18 November 2025

Hajah Hazarena Binti POKSJD
Haji Abu Hurairah
Pemangku Pegawai Waris
Mahkamah Besar Sipil
Bandar Seri Begawan.


**JABATAN PENGAJIAN ISLAM
KEMENTERIAN HAL EHWAL UGAMA**

1. Bilangan Sebut Harga :
KHEU / JPI / JKS / PPR(G) /
2025 – 2026
Sebut Harga Perkhidmatan
Pemotongan Rumput Tempoh
Dua (2) Tahun Bagi Zon 'G'

2. Bilangan Sebut Harga :
KHEU / JPI / JKS / PPR(I) /
2025 - 2026
Sebut Harga Perkhidmatan
Pemotongan Rumput Tempoh
Dua (2) Tahun Bagi Zon 'I'

3. Bilangan Sebut Harga :
KHEU / JPI / JKS / PPR(J) /
2025 - 2026
Sebut Harga Perkhidmatan
Pemotongan Rumput Tempoh
Dua (2) Tahun Bagi Zon 'J'

Di Bawah Kawalan Jabatan
Pengajian Islam, Kementerian Hal
Ehwal Ugama,
Negara Brunei Darussalam
Tahun 1446H-1447H / 2025M-2026M

Tarikh Tutup:
Rabu,
3 Rejab 1447H /
24 Disember 2025M



1. Bilangan Sebut Harga:
KHEU / JPI / JKS / PPPB / MIB /
2025 - 2026
Perkhidmatan Pengurusan Dan
Pembersihan Bangunan
(Housekeeping) Tempoh 12 Bulan
Bagi Ma'had Islam Brunei, Tutong

2. Bilangan Sebut Harga:
KHEU / JPI / JKS / PPPB / SULK /
2025 - 2026
Perkhidmatan Pengurusan Dan
Pembersihan Bangunan
(Housekeeping) Tempoh 24 Bulan
Bagi Sekolah Ugama Lambak
Kanan, Brunei IIA

3. Bilangan Sebut Harga:
KHEU / JPI / JKS / PPPB / SUJ /
2025 - 2026
Perkhidmatan Pengurusan Dan
Pembersihan Bangunan
(Housekeeping) Tempoh 24 Bulan
Bagi Sekolah Ugama Jerudong,
Kawasan Brunei III

Di Bawah Kawalan Jabatan
Pengajian Islam, Kementerian Hal
Ehwal Ugama Tahun
1446H-1447H / 2025M – 2026M

Tarikh Tutup :
Rabu, 26 Jamadilakhir 1447H /
17 Disember 2025M


**JABATAN RADIO
TELEVISYEN BRUNEI
JABATAN PERDANA MENTERI**

Tajuk Sebut Harga:
RTB / K / 139 / 25 – 26
Pembekalan, Pembuatan,
Pemasangan Dan Pembongkaran
Set Latar Belakang Untuk
Rancangan TV,
Bahagian Rancangan TV, RTB

Bayaran Yuran:
BND5.00 (Tidak dikembalikan)
(Termasuk e-dokumen)

Salinan Kertas:
BND5.00 (Jika perlu dan tidak
dikembalikan)
(Hardcopy)

Tarikh Tutup:
Rabu, 24 Disember 2025
Jam 2.00 Petang


**KEMENTERIAN SUMBER-
SUMBER UTAMA DAN
PELANCONGAN**

Bilangan Sebut Harga:
KSSUP / BPK / JKSH / ASET / 15
/ 2025 - 2026

Tajuk Sebut Harga :
Supply, Installation, Testing And
Commissioning Of Free-Standing
Electric Vehicle (EV) Charging
Stations With Integrated Payment
System (Including Optional DC
Fast Charger) For Ministry Of
Primary Resources And Tourism.

Tarikh Tutup Sebut Harga:
Khamis, 8 Januari 2026
Jam 2.00 Petang

Yuran Setiap Satu Sebut Harga:
BND5.00 (Tidak Dikembalikan)
Pembayaran Adalah Secara
Dalam Talian


MAKLUMAN
**TATACARA PENYAMPAIAN DAN
MAKLUM BALAS TAWARAN LANTIKAN**
PENYAMPAIAN TAWARAN LANTIKAN

Disampaikan kepada calon-calon melalui kaunter di Tingkat 1,
Kaunter Penyambut Tetamu, Bangunan SPA pada waktu bekerja
iaitu 8:00 pagi - 12:00 petang dan 2:00 petang - 4:00 petang.

Penyampaian melalui emel dan perkhidmatan pos adalah ditiadakan

MAKLUM BALAS TAWARAN LANTIKAN

Surat Penerimaan / Penolakan Tawaran boleh dikembalikan
melalui kaunter SPA atau melalui emel di alamat ulp.spa@spa.gov.bn


**PERATURAN
PENGIKLANAN**
(SEKTOR AWAM / KERAJAAN)
DI PELITA BRUNEI


IKLAN dalam salinan liut (*soft copy*)
hendaklah dihantar dan diterima oleh
Meja Iklan bagi **iklan Tawaran TIDAK
kurang dari empat (4) minggu dan
iklan Sebut Harga TIDAK kurang dari
dua (2) minggu** sebelum tarikh iklan
dicadangkan untuk diterbitkan.

Rang Iklan hendaklah jelas dan mudah
dibaca menggunakan **Microsoft Word**
dengan **Font ARIAL saiz 12** dan Rang
Iklan tersebut **MESTILAH** dihantar
menggunakan **BAHASA MELAYU
SAHAJA.**



Sila sertakan dokumen-dokumen yang
berkaitan dan nyatakan apa-apa
keperluan iklan berkenaan, seperti
tarikh terbitan untuk diiklankan dan
sebagainya.

Iklan berkenaan bolehlah
dihantar melalui :

E-MEL :

iklan.pb@information.gov.bn

BAGI SEBARANG PERTANYAAN SILA HUBUNGI :

+673 2383400
sambungan Meja Iklan

SETIAP IKLAN YANG DIHANTAR PERLU MENYERTAKAN NAMA
DAN NOMBOR TELEFON YANG MUDAH UNTUK DIHUBUNGI
MENGENAI IKLAN TERSEBUT.

RUANG IKLAN ADALAH TERHAD.

IKLAN-IKLAN HENDAKLAH MEMATUHI TERMA DAN SYARAT.



**JABATAN PERKHIDMATAN
ELEKTRIK
JABATAN TENAGA
JABATAN PERDANA MENTERI**

**Jemputan Untuk Memberi
Tawaran
Jabatan Perkhidmatan Elektrik
Negara Brunei Darussalam**

Bilangan Tawaran:
JPE / LTK / MMD / 095 / 2025

Tajuk Tawaran:
Provision Of Vibration Analysis
Services For A Period Of Twelve
(12) Months At DES Power Stations

Tarikh Tutup:
23 Disember 2025, Selasa
Jam 2.00 Petang

Yuran Tawaran:
BND30.00 (Tidak Dikembalikan)



**JABATAN KERJA RAYA
KEMENTERIAN
PEMBANGUNAN**

**Dibukakan Kepada
Pemborong-Pemborong Yang
Berdaftar Dengan Kementerian
Pembangunan Di Dalam**

Kelas:
(III & IV Sahaja)

Kategori:
[KA01 & M03 Sahaja]

**Tarikh Akhir Mengambil Dokumen
Tawaran Pada:**
16 Disember 2025 (Selasa)

Tarikh Tutup:
23 Disember 2025 (Selasa)
Tidak Lewat Dari Jam 2.00 Petang

Bilangan Tawaran:
JKR / DWS / 046 / 2025

Nama Projek :
Penambahbaikan Rangkaian Sistem
Paip Air Utama dan Tangki-Tangki Air
Bagi Semua Daerah:
Kerja-Kerja Reka Bentuk dan
Pemasangan Sistem Mitigasi
Gangguan Alternating Current (AC)
Bagi Paip-Paip Utama Sepanjang
Lebuhraya Muara - Tutong – Kajian
Model Mitigasi Gangguan Alternating
(AC) Bagi Paip Air Utama Bukit Barun
Peringkat 7 (Fasa 1)

Yuran Tawaran:
BND100.00 (Tidak Dikembalikan)

Yuran E-Dokumen:
-



**Notis Tawaran Jualan Lelong
Secara Sebut Harga**

JPE / AMSF / AUC / 02 / 25
Empat Unit HVAC Dan Aksesori

Dokumen Tawaran:
Tingkat 1, Bangunan Ibu Pejabat
Jabatan Perkhidmatan Elektrik,
Lapangan Terbang Lama,
Berakas.

2387000 sambungan
216 - pengambilan borang tawaran

3551 - Tempahan Jadual Lawatan

Harga Borang BND:
BND10.00

Tarikh Dibukakan:
Isnin, 1 Disember 2025

Penyerahan Dokumen:
Peti Tawaran
Lobi, Bahagian Pengurusan Aset
dan Kemudahan Penyimpanan,
Stor Utama Gadong,
Jabatan Perkhidmatan Elektrik,
Jalan Pengiran Babu Raja

Tarikh Tutup:
Rabu, 31 Disember 2025
Jam 3.00 Petang

Tarikh Dan Tempat Lawatan:
Pada hari dan waktu bekerja
Isnin - Khamis & Sabtu
9.00-11.00 sebelah PAGI sahaja

Bertempat :
Bangunan Pejabat Stesen
Janakuasa Gadong 2
Jabatan Perkhidmatan Elektrik,
Batu Bersurat



**JABATAN IMIGRESEN DAN
PENDAFTARAN KEBANGSAAN**

Bilangan Tawaran:
IMMB / 21 / 2025

Tajuk Tawaran:
Tawaran Penyediaan Mesin Layan
Diri (Vending Machine) Makanan
dan Minuman Di Jabatan
Imigresen dan Pendaftaran
Kebangsaan

Tarikh Tutup:
Rabu, 24 Disember 2025



**JABATAN DAERAH
TEMBURONG
KEMENTERIAN HAL EHWAL
DALAM NEGERI**

**Jabatan Daerah Temburong
Kementerian Hal Ehwal Dalam
Negeri**

Jawatan Kosong Sebagai

**Ketua Kampung Tingkat I
PMKK.3
(BND2,270 - BND4,240)**

atau

**Ketua Kampung Tingkat II
PMKK.2
(BND1,990 - BND2,970)**

atau

**Ketua Kampung Tingkat III
PMKK.1
(BND1,280 - BND2,270)**

bagi

Daerah Temburong

**Kampung Belingos,
Mukim Bangar
Kampung Selangan, Parit dan
Biang Menengah, Mukim Amo**

Tarikh Tutup:
Sabtu, 31 Januari 2026
Jam 4.00 Petang

**Tatacara Menghadapkan
Borang Pencalonan:**

Keterangan lanjut dan borang
pencalonan boleh didapati dan
dikembalikan ke alamat seperti
berikut:-

**Unit Pentadbiran,
Bahagian Institusi Mukim
dan Kampung
Jabatan Daerah Temburong
Kementerian Hal Ehwal
Dalam Negeri
Negara Brunei Darussalam**

Tarikh Tutup mengembalikan
borang pencalonan adalah pada
Sabtu, 12 Sya'aban 1447
bersamaan 31 Januari 2026, jam
4.00 Petang. Sebarang
pertanyaan bolehlah menghubungi
melalui talian +673 5221110.

**Kampung-Kampung Tadahan
Jawatan Kosong Ketua-Ketua
Kampung, Daerah Temburong**

**Ketua Kampung Belingos,
Mukim Bangar**
a) Kampung Belingos
b) Pekan Bangar
c) Kampung Bang Bulan
d) Kampung Lagau
e) Kampung Piungan

**Ketua Kampung Selangan, Parit
Dan Biang Menengah,
Mukim Amo**

a) Kampung Selangan
b) Kampung Parit
c) Kampung Sibulu
d) Kampung Biang Menengah
e) Kampung Belaban



**KEMENTERIAN HAL EHWAL
LUAR NEGERI**

Sebut Harga dibukakan kepada
Syarikat-Syarikat dan
Pemborong-Pemborong yang
berdaftar dengan agensi-agensi
kerajaan dalam bidang
berkaitan untuk menyertai sebut
harga seperti keterangan
berikut:

Bilangan Sebut Harga:
27 / MFA-ICC-Q /
2025 - 26

Tajuk Sebut Harga:
Supply Of New Digital Wireless
Microphone System At
International Convention Centre,
Berakas,
Ministry Of Foreign Affairs

Bayaran Yuran Dokumen:
BND5.00
(Tidak dikembalikan)

Tarikh Tutup Sebut Harga:
Rabu,
24 Disember 2025
Jam 2.00 Petang



Bilangan Sebut Harga:
10 / ASSET.MFA / 2025

Tajuk Sebut Harga:
Term Contract Maintenance Of
Mechanical And Electrical Works,
Ministry Of Foreign Affairs, For A
Period Of Twenty-Four (24)
Months – FSOR

Kelas dan Kategori:
Kelas II Ke Atas dalam Kategori
E01 & M03

Bilangan Sebut Harga:
11 / ASSET.MFA / 2025

Tajuk Sebut Harga:
Term Contract Repair Works For
Ministry Of Foreign Affairs, For A
Period Of Twenty-Four (24)
Months – FSOR

Kelas dan Kategori:
Kelas II Ke Atas dalam Kategori
KA01 & B01

Bilangan Sebut Harga:
12 / ASSET.MFA / 2025

Tajuk Sebut Harga:
Term Contract Fire Protection
And Prevention System
Maintenance For Ministry Of
Foreign Affairs, For A Period Of
Thirty-Six (36) Months – FSOR

Kelas dan Kategori:
Kelas II Ke Atas dalam Kategori
E01, M03 & KPME05

Bayaran Sebut Harga:
BND5.00 (Tidak dikembalikan)

Tarikh Tutup Sebut Harga:
Rabu, 24 Disember 2025
Jam 2.00 Petang



**KEMENTERIAN
PENGANGKUTAN DAN
INFOKOMUNIKASI**

**Pusat Kebangsaan E- Kerajaan,
Kementerian Pengangkutan Dan
Infokomunikasi**

Bilangan dan Tajuk Tawaran:
EGNC / PM / 4.1 / 8.2025
Renewal of OGPC 3 Maintenance
and Support, Pusat Kebangsaan
E-Kerajaan (EGNC), Kementerian
Pengangkutan Dan Infokomunikasi
(MTIC)

Tarikh Tutup Tawaran:
Selasa, 20 Januari 2026



Bilangan dan Tajuk Tawaran:
JPH / 2105 / TAW / 402(R) /
2025-2026

Membekal Dua (2) Unit Kereta
Pacuan Empat Roda (4WD)
Double Cab Vehicle
Dan Satu (1) Unit Kereta Pacuan
Empat Roda (4WD) Jenis SUV
Bagi Kegunaan Jabatan
Perhutanan

Tarikh Tutup Tawaran:
Selasa,
23 Disember 2025
Jam 2.00 Petang

**Borang Pendaftaran Syarikat
(Jika belum berdaftar):**
BND 10.00

Borang Tawaran:
BND15.00

Yuran Tawaran:
BND 30.00

-Tidak Dikembalikan-



IMBASAN MINGGUAN



SALAH satu persembahan tradisional sempena 50 Tahun Brunei Nature Society (BNS) yang berlangsung di Alai Gayoh Nak Pulau, The Brunei Dusun Tradisional House, Kampung Bukit Udal. - Foto : Alishahrin Haji Mumin.

ANTARA pengusaha yang turut serta mengetengahkan produk makanan dan minuman di acara Food Festival 2025 anjuran Starbugs Event Management yang mengambil tempat di kawasan Letak Kereta Zon 'L', Stadium Negara Hassanal Bolkiah. - Foto : Nurdiyanah Rajami.

Dayang Hasrina Hj Pancha



SALAH satu persembahan daripada peserta Program OKU Serlahkan Bakatmu (OKU Got Talent) 2025 sempena Sambutan Hari Antarabangsa Orang Kelainan Upaya (HAOKU). - Foto : Mohd. Zul-Izzi Haji Duraman.

KEMPEN Gotong-Royong Bersepadu Mukim Berakas 'B' dalam sama-sama menjaga kebersihan masjid agar sentiasa terpelihara sama ada di dalam masjid ataupun di luarnya. - Foto : Mohammad Hatral HAZmi Awang Abdul Hamid.



AKSI para pemain dalam saingan Liga Super Malaysia 2025 / 2026 antara DPMM FC menentang Imigresen FC yang berlangsung di Stadium Negara Hassanal Bolkiah. - Foto : Muhammad Asri Haji Awang Abas.

LINDUSTRI KOTEJ



Perniagaan makanan beku keluarga

Oleh : Norlia Md. Zain

Foto : Norlia Md. Zain, Ihsan Mummyrawk Enterprise

KETIKA ini merupakan musim cuti persekolahan dan ramai yang mengambil kesempatan ini untuk bercuti ke luar negara. Sebahagian orang mungkin akan bercuti ke negara-negara yang agak jauh dari rantau ini. Apabila berada jauh di perantauan, lazimnya kita akan merindui masakan dari tanah air kita.

Dengan perkembangan teknologi dan kemahiran dalam kulinari ketika ini, makanan yang dimasak segar di dapur sudah boleh bertahan lama, tanpa menjejaskan kualiti masakan. Dengan ini makanan dari tanah air mudah

dibawa ketika melancong, tinggal saja lagi kita perlu mencari tahu apakah jenis makanan yang dibenarkan untuk dibawa masuk ke negara tersebut.

Pengusaha tempatan, Dayang Nur Najihah binti Adi di bawah syarikat Mummyrawk Enterprise telah mengusahakan makanan beku iaitu Daging Masak Hitam dan Sambal Hati Buyah.

Syarikat ini merupakan usaha keluarganya, ibunya Dayang Zubaidah Duhai berperanan sebagai tukang masak Daging Masak Hitam dan Sambal Hati Buyah dari dapur rumah mereka menggunakan resipi turun-temurun. Setelah itu makanan tersebut dibungkus dengan kemas menggunakan *packaging* yang khusus lalu dibekukan.

Mereka mengusahakan makanan beku ini sejak tiga tahun lepas secara sepenuh masa. Mereka sememangnya aktif berniaga dengan menyertai bazar dan mengambil tempahan masakan. Syarikat mereka

juga aktif membuat kuih-muih seperti Tart Telur dan Kuih Mor Klasik. Selain beliau dan ibunya, adik-beradik yang lain juga sama-sama membantu dalam mengusahakan syarikat ini.

Idea membuat makanan beku Daging Masak Hitam dan Sambal Hati Buyah kerana kedua-dua masakan ini mendapat sambutan orang ramai dan ia adalah makanan paling laris dalam perniagaan mereka. Oleh itu dengan menjadikannya makanan beku, ia menjadi produk yang tahan lama disimpan dan boleh dimakan pada bila-bila masa. Beliau juga banyak belajar dengan melihat dan mengkaji dari negara jiran. Ketika ini juga sudah banyak produk tempatan Brunei, oleh itu beliau mahu membuat yang terbaik dengan versi masakan asli orang Brunei.

Ditanya mengenai *packaging* yang digunakan, mereka membelinya dari negara jiran Malaysia yang mana ia merupakan *packaging vacuum sealer* iaitu sejenis *packaging* yang anti kedap udara. Ia mempunyai pelbagai kelebihan utama, terutamanya dalam memanjangkan jangka hayat makanan, mengekalkan kualiti dan rasa, serta menjimatkan ruang penyimpanan. Pembungkusan vakum meningkatkan keberkesanan pembekuan daripada kerosakan fizikal dan kimia yang berkaitan dengan pendedahan udara sejuk. Bungkusan ini juga dapat menghalang makanan daripada menyerap bau makanan lain di dalam peti sejuk beku.

Lazimnya dalam satu *batch*, mereka dapat

menghasilkan 30 ke 40 paket setiap produk. Pada sebelah belakang paket ada diterangkan cara untuk memanaskan Daging Masak Hitam dan Sambal Hati Buyah melalui dua cara iaitu dimasak di periuk dan menggunakan ketuhar gelombang mikro. Setiap paket juga dicetak tarikh tamat tempoh.

Dengan saiz pakatnya yang menarik, ia juga sesuai dijadikan sebagai buah tangan untuk saudara mara dan sahabat handai yang tinggal di luar negara selain sebagai bekal ketika melancong mahupun berkhemah. Pembungkusan yang padat dan kedap menjadikannya lebih mudah untuk mengangkut makanan tanpa tumpahan atau kebocoran, sesuai untuk perjalanan.

Keluarga mereka bersyukur kerana sambutan pelanggan amat menggalakkan. Mereka akan datang semula untuk membeli lagi sesudah merasai keenakan masakan tersebut. Melalui perusahaan ini juga ia dapat meningkatkan sumber kewangan yang stabil dalam menyara hidup keluarga.

"Saya gembira melihat pelanggan membawa makanan ini keluar negara seperti Republik Rakyat China, Malaysia, Nepal dan negara lainnya. Ramai

juga pelanggan seperti warga emas yang membawa makanan ini sebagai bekal ke Arab Saudi ketika mereka pergi untuk mengerjakan ibadah umrah," ujar Dayang Nur Najihah.

Umum sememangnya mengetahui kenaikan harga barang mentah naik sejak beberapa tahun kebelakangan. Keluarga ini tidak terkecuali dan menganggap perkara ini sebagai satu cabaran namun setakat ini mereka masih dapat menanganinya.

Memandangkan syarikat mereka juga sering menjual makanan berupa masakan di bazar dan ekspo, beliau menyatakan perbezaan menjual masakan ialah orang ramai dapat membeli terus secara *on the spot* dan hendaklah dinikmati pada hari yang sama. Sedangkan makanan beku, ia boleh dimakan pada hari yang lain, boleh dibeli pada jumlah yang banyak dan disimpan sebagai stok makanan di dalam *freezer* awda.

Penutup

Mempunyai keluarga yang besar memberi manfaat apabila mereka membuat perniagaan yang mana mereka boleh bekerjasama dalam menghasilkan produk untuk diniagakan.

Walaupun hanya sekadar berniaga masakan yang dimasak di dapur rumah, tetapi dengan pengetahuan tambahan seperti kaedah *packaging* yang berbeza, telah dapat meluaskan lagi aliran perniagaan sesebuah keluarga tersebut. Dari berniaga masakan berjual di bazar-bazar, keluarga ini dapat memulakan dengan membuka ruang perniagaan menjual produk masakan beku menggunakan *packaging* yang khusus. Kepelbagaian produk juga perlu dalam memanjangkan jangka hayat perniagaan.

Bagi mereka yang ingin mengetahui review serta produk-produk lain yang dihasilkan oleh keluarga ini, bolehlah melayari Instagram dan TikTok @mummyrawk.ent. Bersamalah kita menyokong dan membantu perniagaan orang tempatan.



Oleh : Hajah Rosidah Haji Ismail

Ilustrasi dan Infografik : Seksyen Reka Kreatif, Bahagian Pelita Brunei

SIAPAKAH Gen Z itu? Kita sering mendengar malah menyebut Gen Z tetapi tahukah awda sepenuhnya mengenai Gen Z? Gen Z, yang terdiri dari individu yang lahir antara tahun 1995 hingga 2012, membesar dalam suasana teknologi yang canggih dan terhubung secara digital.

Mereka adalah generasi digital yang mahir dan telah terbiasa dengan teknologi informasi mahupun pelbagai aplikasi digital. Mereka dapat mengakses informasi yang diperlukan untuk kepentingan pendidikan ataupun peribadi dengan cepat dan mudah.

Gen Z sangat suka dan sering berkomunikasi dengan semua kalangan khususnya melalui media sosial seperti Facebook, X, Instagram atau WhatsApp. Melalui media ini, mereka lebih bebas berekspresi dengan apa yang dirasakan dan difikirkan secara spontan. Gen Z lebih terdedah terhadap perhubungan dunia tanpa sempadan kerana kecanggihan teknologi seperti penggunaan telefon pintar, komputer riba dan sebagainya.

Gen Z dikatakan zaman yang sangat mencabar buat ibu bapa dalam mendidik anak terutama sekali jika mereka adalah anak dari ibu bapa yang terbuka minda fikiran. Cabaran ini semakin bertambah jika anak mendapat kurang perhatian dan kasih sayang daripada ibu bapa yang terlalu sibuk memenuhi keperluan kebendaan untuk keluarga. Oleh itu, minda institusi keluarga adalah penting dalam mendidik Gen Z dan menangani masalah sosial yang dihadapi kini yang berhubung kait dengan golongan berkenaan.

Pendidikan untuk Gen Z

Pendidikan adalah salah satu aspek penting dalam pembangunan suatu negara. Pendidikan yang baik akan memberikan bekal yang memadai kepada generasi muda untuk menghadapi cabaran masa depan. Namun, dengan perkembangan teknologi yang pesat, pendidikan di era Gen Z mengalami perubahan yang signifikan. Hal ini membawa kesan besar pada pendidikan mereka. Integrasi dalam pendidikan bertujuan untuk menciptakan pembelajaran yang lebih bermakna, relevan, dan efektif.

Pendidikan untuk Gen Z harus adaptif, mengintegrasikan teknologi secara mendalam, fokus pada kemampuan nyata yang dapat langsung diterapkan dalam kehidupan sehari-hari dan kolaborasi serta relevan dengan isu global, kerana mereka adalah *digital native* yang mandiri, visual dan menghargai pengalaman sebenar, menuntut metode belajar interaktif, berdasarkan projek dan didukung oleh peranan guru sebagai fasilitator yang kreatif.

Dalam pendidikan Gen Z sudah terbiasa dengan internet dan gajet sejak awal lagi dan sering menjadikan teknologi sebagai sumber utama belajar. Mereka juga mampu belajar sendiri dan lebih suka konten visual (video, infografis). Remaja Gen Z mempunyai jiwa kreatif yang tinggi, mempunyai sifat ingin tahu dan ingin mempelajari bidang yang relevan dan dapat diaplikasikan dalam kehidupan. Mereka juga gemar belajar bersama teman dan melakukan aktiviti yang interaktif.

Strategi pendidikan untuk Gen Z sering dihubungkan dengan integrasi teknologi kerana Gen Z ini menjadikan teknologi sebagai salah satu kepentingan dalam kehidupan mereka. Jika tiada teknologi mereka seolah-olah 'mati' dan tidak berdaya melakukan sesuatu yang sudah menjadi kebiasaan mereka. Gen Z sering memanfaatkan platform *online*, aplikasi pendidikan, media sosial edukatif dan gamifikasi.

Dalam era digital yang semakin berkembang maju, teknologi Kecerdasan Buatan atau Artificial Intelligence (AI) telah membuka pintu dalam sektor pendidikan yang lebih adaptif dan personalisasi. Teknologi AI ini telah banyak dimanfaatkan oleh generasi Gen Z untuk membantu dalam mendapatkan informasi yang diperlukan dan ini secara tidak langsung menjadikan Gen Z lebih produktif, efisien dan efektif.

Dunia pendidikan untuk Gen Z juga boleh dikatakan lebih maju terutama dari gaya belajar digital Gen Z kerana para remaja ini sering memanfaatkan sebarang teknologi yang pantas dan canggih dalam kehidupan mereka. Kelebihan mereka yang sentiasa cepat dan mudah faham teknologi menjadikan mereka lebih aktif dalam mana-mana aktiviti yang melibatkan dunia teknologi. Secara tidak langsung ini dapat membentuk Gen Z menjadi pembelajar sepanjang hayat yang adaptif, kritis dan bersedia menghadapi cabaran global dengan pendekatan yang tepat. Walau bagaimanapun, Gen Z perlu menyeimbangkan antara pemanfaatan teknologi dan penguatan kemampuan berfikir kritis dan tidak mengharapkan AI semata-mata.

Pendekatan yang sesuai

Pendidikan agama Islam untuk Gen Z harus inovatif, kontekstual dan *digital-friendly*, memanfaatkan teknologi seperti aplikasi dan media sosial untuk pengajaran yang interaktif serta menekankan pembentukan sikap, akhlak mulia, dan penerapan nilai moral digital, bukan sekadar teori, dengan guru sebagai fasilitator dan teladan, serta kolaborasi erat antara sekolah dan ibu bapa agar nilai agama relevan dan mudah difahami oleh generasi yang celik teknologi ini.

Selain itu, dengan memanfaatkan aplikasi Islamik, video pembelajaran, media sosial untuk bahan yang menarik kerana Gen Z terbiasa dengan teknologi. Kaitkan ajaran Islam dengan isu dan kehidupan sehari-hari Gen Z, termasuk cabaran moral di dunia digital (etika internet). Bagi pembentukan akhlak, fokuskan pada penanaman nilai-nilai inti seperti kejujuran, keadilan, dan tanggung jawab sosial. Gunakan elemen permainan (gamifikasi) agar pembelajaran lebih menyenangkan dan efektif.

Ibu bapa juga mempunyai peranan penting dalam pengajaran agama di rumah dan sentiasa memantau aktiviti digital anak agar selaras dengan pendidikan di sekolah. Justeru dengan mendidik Gen Z agar seimbang dengan penggunaan teknologi yang canggih dan pada masa yang sama menghormati nilai-nilai murni serta jati diri akan dapat mengangkat martabat mereka sebagai remaja generasi Gen Z yang mampu membawa negara maju dan setanding dengan negara-negara luar.

GOLONGAN MUDA DI PORTUGAL KURANGKAN PENGGUNAAN MEDIA SOSIAL



LISBON, 14 Dis. - Golongan muda di Portugal kini didapati mengurangkan penggunaan media sosial dengan ketara, mencerminkan peralihan ke arah amalan digital dalam keddan yang lebih sedar, berdasarkan data dan penyelidikan baharu, lapor Xinhua.

Angka daripada firma penyelidikan pasaran Portugal, Marktest menunjukkan bahawa kadar penggunaan media sosial dalam kalangan golongan muda telah menurun 22 peratus dalam tempoh dua tahun lepas. Populasi umum juga mengurangkan

penggunaannya, dengan purata masa harian di media sosial menurun 13 peratus sepanjang tahun lepas.

Data yang dikeluarkan pada Jumaat oleh Institut Perangkaan Nasional Portugal (INE) menunjukkan 79 peratus penduduknya kini menggunakan media sosial, kadar terendah sejak 2017.

Penyelidik yang dipetik oleh akhbar Portugal, Expresso berkata aliran ini selari dengan perkembangan yang diperhatikan di negara lain, menunjuk kepada

tanda-tanda tepu apabila pengguna menilai semula peranan media sosial dalam kehidupan seharian mereka. Individu semakin mengamalkan amalan "detoks digital", termasuk mengehadkan masa skrin atau memutuskan sambungan sementara daripada platform dalam talian.

Pakar memperhatikan bahawa penurunan dalam kalangan orang muda mencerminkan usaha dan kepekaan untuk mewujudkan tabiat digital yang lebih sihat.

Patricia Dias, Penolong Profesor di Fakulti Sains

Kemanusiaan, Universiti Katolik Portugal (UCP) berkata, pengurangan penggunaan media sosial selalunya keputusan yang disengajakan dan berterusan dan bukannya reaksi jangka pendek.

Berdasarkan penyelidikannya tentang keputusan digital dalam kalangan remaja Portugal, Dias berkata ramai remaja memilih untuk mengurangkan penggunaan media sosial kerana mereka merasakan faedah media sosial tidak lagi mengatasi masa dan tekanan psikologi yang terlibat.

Beliau menjelaskan bahawa pengguna muda kerap melaporkan mengalami keresahan, tingkah laku pemeriksaan kompulsif dan tekanan sosial, terutamanya kebimbangan ketinggalan. Faktor-faktor ini mendorong mereka menetapkan had terhadap aktiviti

dalam talian, mengurangkan penggunaan atau memutuskan sambungan buat sementara waktu.

Dias menekankan bahawa tingkah laku sedemikian mewakili proses kawalan sendiri. "Apa yang kita perhatikan adalah peningkatan kesedaran dalam kalangan orang muda tentang keperluan untuk melindungi tumpuan dan kesejahteraan mereka, serta membentuk corak penglibatan dalam talian yang lebih seimbang dan mampan," katanya.

Walaupun terdapat penurunan, media sosial terus memainkan peranan penting dalam masyarakat Portugal. Penganalisis memperhatikan bahawa aliran semasa tidak menandakan kemunculan platform sosial, tetapi sebaliknya peralihan ke arah penggunaan yang lebih selektif dan disengajakan. - ©BERNAMA

Republik Persekutuan Jerman tangguh pemulangan pencari suaka ke Republik Hellenic Greece sehingga Jun 2026

MOSCOW, 13 Dis. - Republik Persekutuan Jerman tidak akan menghantar pulang pencari suaka ke Republik Hellenic Greece sehingga Pakatan Kesatuan Eropah mengenai Migrasi dan Suaka mula berkuat kuasa pada 12 Jun 2026, menurut akhbar Die Welt pada Jumaat, memetik Menteri Dalam Negeri Republik Persekutuan Jerman Alexander Dobrindt, lapor Sputnik/RIA Novosti.

Kerajaan Republik Persekutuan Jerman tidak lagi akan menghantar pulang pencari suaka yang datang dari Republik Hellenic Greece untuk memproses permohonan mereka di negara itu sebaliknya membenarkan proses itu dijalankan di Republik Persekutuan Jerman, kata Dobrindt kepada akhbar itu.

Beliau berkata langkah ini adalah sebahagian daripada kompromi yang dicapai dalam EU sehingga pakatan itu berkuat

kuasa. Sebagai balasan, Republik Persekutuan Jerman tidak perlu menerima migran melalui mekanisme solidariti baharu pada tahun pertama pelaksanaan pakatan itu.

Namun, skim baharu ini hanya terpakai kepada pencari suaka dan bukan kepada pelarian yang sudah diberikan status perlindungan di Republik Hellenic Greece, yang akan dihantar pulang, kata Dobrindt.

Ketika ini, EU menetapkan tempoh enam bulan untuk penghantaran pulang individu yang permohonan suaka mereka diproses oleh negara anggota lain. Oleh kerana tempoh ini sering terlepas, Republik Persekutuan Jerman kini bertanggungjawab ke atas sebilangan besar pencari suaka yang pada asalnya didaftarkan di Republik Hellenic Greece, lapor Die Welt.

Pada Isnin, Dobrindt berkata Republik Persekutuan Jerman

tidak akan menerima pencari suaka dari negara EU lain di bawah mekanisme solidariti tahun depan. Menteri Dalam Negeri Poland Marcin Kierwinski, berkata Brussels merancang untuk memindahkan 21,000 migran tanpa dokumen pada 2026.

Majlis EU meluluskan pakatan itu pada Mei dalam usaha menangani migrasi haram dan perdagangan manusia, serta memperkukuh penalti bagi jenayah berkaitan. Reformasi ini merangkumi pengagihan adil migran antara negara EU untuk mengurangkan tekanan ke atas negara anggota yang berada di sempadan luar. Pakatan itu turut merangkumi, antara lain, "sistem tanggungjawab dan solidariti". Ia menetapkan yang jika sesebuah negara enggan menerima migran yang dipindahkan, negara itu mesti membayar 20,000 (US\$23,400) bagi setiap individu. - ©BERNAMA

Poland tahan 130 pendatang selepas temui terowong dari Belarus

WARSAW, 13 Dis. - Pengawal sempadan Poland berkata mereka menemui sebuah terowong yang digunakan untuk menyeludup pendatang melalui bawah tanah dari Belarus ke Poland, lapor Agensi Berita Jerman (dpa).

Lebih 130 pendatang ditahan susulan penemuan laluan sulit itu, menurut kenyataan Pengawal Sempadan pada Jumaat, sambil menjelaskan yang pencarian masih diteruskan untuk individu lain.

Dua suspek penyeludup manusia turut ditangkap iaitu seorang lelaki Poland berusia 69 tahun dan seorang warganegara Lithuania berusia 49 tahun, menurut kenyataan itu.

Kebanyakan pendatang yang ditahan adalah warga Afghanistan dan Republik Islam Pakistan, namun turut terdapat individu dari negara lain, termasuk Republik India, Republik Rakyat Bangladesh dan Nepal.

Terowong itu yang sepanjang beberapa puluh meter dan berketinggian kira-kira 1.5 meter, mempunyai pintu masuk tersembunyi di kawasan berhutan di bahagian Belarus, dengan pintu keluar di bahagian Poland terletak kira-kira 10 meter dari penghadang sempadan.

Pengawal sempadan berkata terowong itu ditemui menggunakan peralatan pengesanan elektronik.

Siasatan mendapati terowong itu digunakan sekurang-kurangnya 180 orang untuk memasuki Poland, dan seterusnya, Kesatuan Eropah.

Menurut Pengawal Sempadan, tiga lagi terowong di bawah sempadan Poland-Belarus ditemui setakat tahun ini.

Poland berulang kali menuduh Belarus sengaja mengatur pergerakan pendatang dari kawasan bergolak ke sempadan luar Kesatuan Eropah. - ©BERNAMA

Gempa bumi di Jepun serlah keperluan salur maklumat kepada warga asing dengan lebih berkesan

SAPPORO, 13 Dis - Gempa bumi berukuran 7.5 pada skala Richter yang berlaku di luar pantai timur laut Jepun baru-baru ini menonjolkan keperluan negara itu menyalurkan tip keselamatan dan maklumat pemindahan kepada warga asing dengan lebih berkesan, khususnya ketika Jepun menyaksikan lonjakan kemasukan pelancong, lapor Kyodo News.

Penduduk tempatan dan pelawat asing diarahkan berpindah apabila agensi cuaca mengeluarkan amaran tsunami bagi sebahagian pesisir Pasifik Hokkaido, serta wilayah Aomori dan Iwate.

Pelancong dari Republik Filipina, Jose San Juan menerima amaran gempa melalui telefon pintarnya ketika menginap di sebuah hotel di Sapporo, namun berkata beliau tidak dapat

berpindah kerana tidak mengetahui ke mana perlu dituju.

"Maklumat seperti lokasi untuk berpindah tidak disampaikan kepada warga asing dengan segera dan berkesan," kata Mayumi Sakamoto, profesor di Sekolah Siswazah Ketahanan dan Tadbir Urus Bencana, Universiti Hyogo.

Menurut seorang kakitangan hotel, ramai tetamu di JR Inn Hakodate di Hokkaido terdiri daripada warga asing ketika kawasan itu dilanda gempa bumi.

Hotel berkenaan mengarahkan tetamu dalam bahasa Jepun dan Inggeris supaya berpindah ke tingkat atas bagi mengelakkan tsunami, namun sebahagian tetamu turun ke lobi di tingkat satu akibat kekeliruan.

Di sebuah lagi penginapan di Hakodate, maklumat berkaitan dipaparkan pada papan putih,

namun hanya dalam bahasa Jepun.

Seorang tetamu wanita dari Republik Korea berkata beliau mendapatkan penyelesaian dengan mengambil gambar maklumat itu menggunakan aplikasi yang menjana terjemahan dalam bahasa Korea.

Sakamoto berkata Jepun perlu segera membangunkan sistem bagi menyalurkan maklumat kritikal kepada warga asing secara lancar, termasuk dengan memperkenalkan aplikasi dan laman web pelbagai bahasa kepada pelawat sebaik mereka tiba.

Negara itu menerima 36.87 juta pelawat asing tahun lalu, manakala jumlah itu mencecah 35.54 juta setakat Oktober tahun ini, menurut data Pertubuhan Pelancongan Kebangsaan Jepun. - ©BERNAMA

Google lancar versi beta terjemahan masa nyata menerusi fon kepala

SAN FRANCISCO, 13 Dis. - Google pada Jumaat mengumumkan pelancaran ciri beta yang membolehkan pengguna mendengar terjemahan masa nyata menerusi fon kepala, ketika syarikat itu meningkatkan usaha memperkukuh perkhidmatan terjemahan dan pembelajaran bahasa, lapor Xinhua.

Ciri baharu itu, yang boleh diakses melalui aplikasi Google Translate, menyediakan terjemahan langsung sambil mengekalkan nada, penekanan dan irama pertuturan penutur, sekali gus menjadikan perbualan lebih mudah difahami.

"Sama ada anda cuba berbual dalam bahasa berbeza, mendengar ucapan atau kuliah ketika berada di luar negara, atau menonton rancangan televisyen atau filem dalam bahasa lain, anda kini boleh memakai fon kepala, membuka aplikasi Translate, menekan *live translate* dan mendengar terjemahan masa nyata dalam bahasa pilihan anda," kata Naib Presiden Produk dan Carian Google, Rose Yao dalam satu catatan blog.

Ciri beta itu kini mula dilancarkan pada peranti Android di Amerika Syarikat, Mexico dan Republik India.

Ia menyokong lebih 70 bahasa dan serasi dengan semua jenis fon kepala.

Google berkata ia merancang untuk memperluas ciri berkenaan ke peranti iOS serta lebih banyak negara pada 2026. - ©BERNAMA

WALKATON AMAL MERIAHKAN KTB

Oleh : Wan Mohamad Sahran Wan Ahmadi
Foto : Mohd. Zul-Izzi Haji Duraman

TEMBURONG, Sabtu, 13 Disember. - Program Ke Temburong Bisai (KTB) Edisi Borneo Bike Gathering dimeriahkan lagi dengan Walkaton Amal yang disertai lebih kurang 200 peserta, berlangsung di kawasan Dermaga Pekan Bangar di daerah bumi permata hijau, hari ini. Hadir selaku tetamu kehormat ialah Pemangku Pengarah

Penjara, Awang Bahrin bin Haji Mohammad Yassin. Turut hadir, Ahli Majlis Mesyuarat Negara, Yang Berhormat Haji Awang Sulaiman bin Haji Nasir, Ketua Kampung Labu Estate dan Piasau-Piasau; dan Pemangku Pegawai Daerah Temburong, Awang Hassan Baha bin Haji Umar. Walkaton sejauh 2 kilometer



bermula dan berakhir di kawasan Dermaga Pekan Bangar, Temburong yang juga melintasi Kampung Menengah.

Sejurus selesai walkaton, Perlawatan Tarik Kalat Santai juga menyerikan acara dengan menyaksikan kumpulan tarik kalat dari Jabatan Penjara merangkul juara, sekali gus menempatkan pasukan *bikers* di tempat kedua.

Manakala pasukan Jabatan Bomba dan Penyelamat dan gabungan PMKK dan Jabatan Daerah Temburong, masing-masing menduduki tempat ketiga dan keempat.

Adapun acara berkenaan bertujuan untuk mengutip sumbangan derma bagi Tabung Anak-anak Yatim Daerah Temburong sempena Program KTB Edisi Borneo Bike Gathering anjuran Majlis Perundingan Kampung (MPK) Sibut dan Kampung Sumbiling, MPK Bokok dan MPK Labu Estate dan Piasau-Piasau.

WALKATON Amal disertai lebih kurang 200 peserta, berlangsung di kawasan Dermaga Pekan Bangar



PEMANGKU Pengarah Penjara, Awang Bahrin bin Haji Mohammad Yassin hadir selaku tetamu kehormat majlis. Turut hadir, Yang Berhormat Ahli Majlis Mesyuarat Negara, Ketua Kampung Labu Estate dan Piasau-Piasau.

20 pasukan berentap dalam Pertandingan Tarik Kalat



Oleh : Rohani Haji Abdul Hamid
Foto : Alishahrin Haji Mumin

TUTONG, Sabtu, 13 Disember. - Seramai 20 pasukan mewakili persatuan, kelab sukan dan komuniti berentap dalam Pertandingan Tarik Kalat Daerah Tutong sempena Festival Disember Brunei (Brunei December Festival - BDF) Ke-9, Tahun 2025. Pertandingan yang dikendalikan

oleh Tutong Tuggers dengan sokongan Jabatan Daerah Tutong telah berlangsung di kawasan Padang Kompleks Dewan Kemasyarakatan, Daerah Tutong. Hadir menyempurnakan perasmian pertandingan berkenaan ialah Pemangku Pegawai Daerah Tutong, Awang Haji Mohammad Sofian bin

PEMANGKU Pegawai Daerah Tutong, hadir pada perasmian Pertandingan Tarik Kalat Daerah Tutong sempena Festival Disember Brunei Ke-9, Tahun 2025 (kiri), manakala gambar bawah kiri, antara peserta yang menyertai pertandingan.

Haji Basri.

Sebanyak dua kategori dipertandingkan, iaitu Kategori Berat iaitu 680 kilogram (kg) dan Kategori Ringan iaitu 560kg.

Format pertandingan dijalankan secara pukul keliling (*round robin*), tertakluk kepada jumlah penyertaan, bagi memastikan peluang persaingan yang adil dan menyeluruh kepada semua pasukan.

Pertandingan berkenaan bertujuan untuk mencungkil, menggilap serta memperkembangkan bakat baharu dalam sukan tarik kalat dalam kalangan belia Daerah Tutong. Selain itu, ia juga menyediakan platform riadah yang bermanfaat untuk keluarga semasa cuti persekolahan, sambil memperkukuhkan penglibatan aktif masyarakat dalam aktiviti sihat dan berbudaya.

Dengan pelaksanaan BDF Ke-9, tahun 2025, ia juga berperanan meningkatkan daya tarikan pelancongan domestik dan antarabangsa ke Daerah Tutong, dengan mengetengahkan keunikan sukan tradisi sebagai salah satu identiti budaya tempatan.

Pertandingan tersebut turut diharap dapat menyemarakkan minat terhadap sukan tradisi, memperkukuhkan keharmonian masyarakat, serta menyokong pembangunan aktiviti riadah berunsurkan kebudayaan di peringkat komuniti.



Selamatkan Usus Awda.
Lakukan Pemeriksaan Kolorektal.

Untuk mengetahui lebih lanjut mengenai program pemeriksaan kanser kolorektal, sila jumpa* Doktor awda hari ini atau layari www.ppkk.gov.bn



*Sasaran pemeriksaan:
Lelaki atau wanita berumur di antara 50 - 75 tahun.

Kepulangan kontinjen NBD disambut meriah

Siaran Akhbar : Jabatan Belia dan Sukan
Foto : Muhammad Asri Haji Awang Abas

BERAKAS, Sabtu, 13 Disember. - Kontinjen Negara Brunei Darussalam (NBD) seramai 11 orang yang terdiri daripada pasukan karate telah kembali ke NBD selepas berada di Bangkok, Thailand bagi mengikuti Kejohanan Sukan Asia Tenggara (Sukan SEA) Ke-33 2025.

Berada di Lapangan Terbang Antarabangsa Brunei bagi menyambut ketibaan kontinjen negara dan seterusnya mengalungkan sesandang serta memberikan ucapan tahniah ialah Setiausaha Tetap (Kebudayaan), Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan (KKBS), Pengiran Haji Mohd. Hasnan bin Pengiran Haji Ali Hassan serta pegawai-pegawai kanan KKBS.

Majlis dimulakan dengan bacaan Surah Al-Fatihah dan Doa Selamat yang dipimpin oleh Awang Shahram bin Haji Abd. Rahman, diikuti dengan ucapan tahniah kepada kontinjen NBD dan diakhiri dengan sesi bergambar ramai.

Atlet karate negara berjaya meraih dua pingat gangsa melalui Awangku Ahmad Munib Aiman bin Pengiran Haji Md. Hasimudin dalam Acara Mens Kumite - 55 kilogram (kg) dan 55996 Sld (U) Muhammad Harith bin Dahlan bagi Acara Mens Kumite - 60kg.



SETIAUSAHA Tetap (Kebudayaan), Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan (KKBS) semasa mengalungkan sesandang kepada salah seorang peserta karate.

LEBIH 1,000 PESERTA MERIAHKAN NEON WALK 55



Oleh : Marlinawaty Hussin
Foto : Pg. Mohd. Aminol Adi Azraie Pg. Haji Nikman



YANG Berhormat Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri hadir selaku tetamu kehormat pada acara yang berlangsung di Taman Mahkota Jubli Emas (kiri), manakala gambar atas, antara yang menyertai Neon Walk 55.

BANDAR SERI BEGAWAN, Sabtu, 13 Disember. - Lebih 1,000 peserta mengambil bahagian dalam acara Neon Walk 55 sempena Sambutan Memperingati Hari Ulang Tahun Penukaran Nama Bandar Brunei Menjadi Bandar Seri Begawan Ke-55 bagi Tahun 2025.

Acara anjuran Jabatan Bandaran, Bandar Seri Begawan (BSB), Kementerian Hal Ehwal Dalam Negeri (KHEDN), yang julung kali diadakan ini merupakan salah satu inisiatif untuk menggalakkan gaya hidup sihat dalam kalangan masyarakat di

negara ini.

Selain itu, ia juga bertujuan untuk memberikan peluang kepada orang ramai bagi beriadah bersama keluarga dan memeriahkan suasana ibu negara pada waktu malam dengan pencahayaan neon yang berwarna-warni.

Hadir selaku tetamu kehormat pada acara yang berlangsung di Taman Mahkota Jubli Emas itu ialah Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri, Yang Berhormat Dato Seri Setia Awang Haji Ahmad bin Haji Abdul Rahman.

Turut hadir, Ahli-ahli Majlis Mesyuarat Negara, Setiausaha Tetap dan Timbalan Setiausaha Tetap KHEDN; ketua-ketua jabatan KHEDN; penghulu mukim dan ketua-ketua kampung serta para pegawai dan kakitangan KHEDN.

Acara dimulakan dengan aktiviti

aerobik beramai-ramai yang dikendalikan oleh Limin Cardio Fitness sebelum diteruskan dengan perasmian acara yang disempurnakan oleh Yang Berhormat Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri.

Acara Neon Walk 55 bermula di Taman Mahkota Jubli Emas,

menyusuri jalan-jalan utama sekitar BSB, sebelum berakhir semula di lokasi yang sama.

Para peserta yang berdaftar diberikan baju Neon Walk 55 serta glowstick bagi memeriahkan dan menghidupkan suasana pusat bandar sepanjang acara tersebut.

Pasukan JPM, Bearhill unggul Pertandingan Tarik Kalat

Pasukan Kementerian Pertahanan A juara Kejohanan Dart



YANG Mulia Timbalan Menteri (Urustadbir Perkhidmatan Awam) di Jabatan Perdana Menteri (JPM) hadir selaku tetamu kehormat pada Kejohanan Dart antara Kementerian-kementerian.

Oleh : Rohani Haji Abdul Hamid
Foto : Muhammad Asri Haji Awang Abas

BANDAR SERI BEGAWAN, Ahad, 14 Disember. - Pasukan Kementerian Pertahanan A muncul juara bagi Kategori Beregu Lelaki Terbuka dengan membawa wang tunai BND500, piala iringan, medal dan sijil, manakala naib johan disandang oleh Jabatan Perdana Menteri (JPM) Rookie membawa wang tunai BND300, medal dan sijil dalam Kejohanan Dart antara Kementerian-kementerian sempena Hari Perkhidmatan Awam Ke-32, Tahun 2025.

Manakala Top 4 dimenangi oleh Kementerian Kesihatan 'UPJ' dan JAPEM A (KKBS) membawa wang tunai sebanyak BND 150, medal dan sijil.

Sehubungan itu, majlis penutup dan penyampaian hadiah yang berlangsung di Sport Hub, Annex C, Stadium Negara Hassanah Bolkiah, Berakas disempurnakan oleh Timbalan Menteri (Urustadbir Perkhidmatan Awam) di JPM, Yang Mulia Dato Seri Paduka Awang Mohammed Riza bin Dato Paduka Haji Mohammed Yunus selaku tetamu kehormat.

Terdahulu, majlis dimulakan dengan bacaan Surah Al-Fatihah, diikuti dengan Doa Selamat dan seterusnya menyaksikan Perlawanan Dart Peringkat Akhir Kategori Beregu Lelaki Terbuka.

Kejohanan tersebut merupakan anjuran Jabatan Daerah Brunei dan Muara dan dikendalikan oleh Kelab Dart Spintop Brunei Darussalam.

Turut hadir, jemputan-jemputan khas, Ahli-ahli Jawatankuasa Jabatan Daerah Brunei dan Muara, peserta-peserta pertandingan serta media massa.



YANG Berhormat Ahli Majlis Mesyuarat Negara (MMN), Penghulu Mukim Ukong hadir selaku tetamu kehormat semasa bergambar ramai bersama pemenang. Turut hadir, Yang Berhormat Ahli MMN, Ketua Kampung Sengkarai.

Oleh : Ak. Mohd. Zaki Pg. Haji Kasharan
Foto : Alishahrin Haji Mumin, Ak. Mohd. Zaki Pg. Haji Kasharan

TUTONG, Ahad, 14 Disember. - Pasukan Jabatan Perdana Menteri (JPM) membuktikan kegagahannya apabila berjaya menumpaskan Pasukan Chainblok dalam perlawanan akhir Kategori Berat 680 kilogram (kg) Pertandingan Tarik Kalat Daerah Tutong sempena Festival Disember Brunei 2025 yang berlangsung meriah petang tadi bertempat di Kawasan Padang Kompleks Dewan Kemasyarakatan Tutong.

Selaku johan dalam Kategori Berat 680kg tersebut, Pasukan JPM membawa habuan berupa piala, sijil penyertaan dan hadiah wang tunai berjumlah BND1,000. Sementara itu, Pasukan Chainblok yang akur dinobatkan sebagai naib johan pula membawa pulang hadiah berupa piala, sijil penyertaan serta wang tunai BND800 sambil Pasukan Bantayan menerima hadiah berupa piala, sijil penyertaan dan wang tunai BND600 setelah menduduki tempat ketiga.

Dalam Kategori Ringan 560kg pula menyaksikan Pasukan Bearhill berjaya dinobatkan sebagai johan sementara tempat kedua dan ketiga pula masing-masing disandang oleh Pasukan

KB Bull Brothers dan SPSS Tuggers.

Tempat keempat dalam kedua-dua kategori masing-masing menjadi milik Pasukan Budiman Tigers dan Pasukan MS ABDB dengan membawa pulang hadiah berupa sijil penyertaan dan wang tunai BND400.

Acara penutup pertandingan yang dikendalikan oleh Tutong Tuggers dengan sokongan Jabatan Daerah Tutong telah disempurnakan dengan kehadiran Ahli Majlis Mesyuarat Negara (MMN), Yang Berhormat Awang Haji Mohamad Danial@Tekpin bin Ya'akub, Penghulu Mukim Ukong selaku tetamu kehormat yang juga berkesudian menyaksikan perlawanan akhir serta menyampaikan hadiah kepada para pemenang.

Juga hadir sama memeriahkan hari ketiga acara berkenaan ialah Ahli MMN, Yang Berhormat Awang Abdul Aziz bin Haji Hamdan, Ketua Kampung Sengkarai dan Pemangku Pegawai Daerah Tutong, Awang Haji Mohammad Sofian bin Haji Basri.

Sebanyak 20 pasukan telah mengambil bahagian dalam pertandingan berkenaan yang melibatkan penyertaan daripada

kementerian - kementerian, jabatan - jabatan, persatuan-persatuan sukan, mukim-mukim dan kampung-kampung di Negara Brunei Darussalam yang mencerminkan sambutan menggalakkan serta komitmen pelbagai pihak dalam memartabatkan sukan tradisi negara.

Kedua-dua kategori yang dipertandingkan pada kali ini telah dijalankan secara pukul keliling (round robin) bagi memastikan pelaksanaan pertandingan yang adil dan tersusun.

Penganjuran pertandingan ini selaras dengan pelaksanaan Festival Disember Brunei Ke-9, 2025 yang bertujuan mengimarhkan aktiviti kemasyarakatan, di samping memperkukuhkan usaha mempromosikan Daerah Tutong sebagai salah satu destinasi pelancongan dengan mengetengahkan sukan tradisi sebagai warisan budaya negara.

Dengan berakhirnya pertandingan ini, diharapkan agar penganjuran seumpama ini akan terus dilaksanakan dari semasa ke semasa sebagai platform memperkasa sukan tradisi, menggalakkan penyertaan masyarakat serta memperkukuhkan perpaduan dalam kalangan penduduk setempat.



ATLET WUSHU NEGARA RAIH PINGAT GANGSA



DULI Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Bendahara Seri Maharaja Permaisua Pengiran Muda Haji Sufri Bolkiah ibni Al-Marhum Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddien Sa'adul Khairi Waddien, SEA Games Federation Honorary Life President dan Presiden Majlis Olimpik Kebangsaan Negara Brunei Darussalam berkenan bergambar ramai bersama para pemenang (atas). Manakala gambar kiri, antara aksi atlet wushu yang bertanding.

BANGKOK, THAILAND, Sabtu, 13 Disember. - Duli Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Bendahara Seri Maharaja Permaisua Pengiran Muda Haji Sufri Bolkiah ibni Al-Marhum

Oleh : Dk. Hajah Naqayatul Akma Pg. Haji Ali
Foto : Mohammad Hasif Matzin, Azmah Haji Ahad

Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddien Sa'adul Khairi Waddien, SEA Games Federation Honorary Life President dan Presiden Majlis Olimpik Kebangsaan Negara Brunei Darussalam berkenan berangkat bagi menyaksikan Acara Wushu di Temasya Sukan Asia Tenggara (Sukan SEA) Ke-33 berlangsung di Kompleks Kerajaan Chaeng Watthana.

Duli Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Bendahara Seri Maharaja Permaisua Pengiran Muda Haji Sufri Bolkiah berkenan menyampaikan pingat kepada para pemenang.

Pada hari keempat Sukan SEA, atlet wushu negara menyumbang satu pingat gangsa melalui Acara Duilian Lelaki oleh pasangan, Abel@Lim Wee Yuan dan Majdurano Joel Majjalah Sain. Pingat emas dimenangi oleh tuan rumah, Thailand manakala Republik Indonesia meraih pingat perak.

Dalam Acara Gabungan Changquan, Daoshu dan Gunsha Lelaki, atlet negara, Walid Lachkar menduduki tempat keempat bagi Kategori Changquan. Walid Lachkar juga akan bertanding dalam Kategori Daoshu. Kategori Gunsha akan diadakan pada 14 Disember 2025. Keputusan ketiga-tiga

kategori akan dicampurkan untuk menentukan pemenang pingat.

Atlet wanita negara, Basma Lachkar dan Lim Yee Sean telah bertanding dalam Acara Gabungan Taijiquan dan Taijijian.

Bagi Kategori Taijiquan, Basma Lachkar berada di tempat kedua, manakala Lim Yee Sean di tempat kesembilan. Kedua-dua atlet akan bertanding semula dalam Kategori Taijijian pada 14 Disember 2025.

Keputusan kedua - dua kategori akan dicampurkan untuk menentukan pemenang pingat.

Menurut Jurulatih Wushu, "Abel@Lim Wee Yuan dan Majdurano Joel Majjalah Sain menunjukkan persembahan yang baik daripada semasa latihan tetapi hendaklah memerlukan latihan intensif yang berpanjangan dan berterusan. Sementara Walid Lachkar mempunyai persembahan yang baik seperti negara-negara yang lain dan persembahannya sama seperti semasa dalam latihan juga seperti Basma Lachkar dan Lim Yee Sean".



Atlet silat wanita berjaya ke pusingan seterusnya

Oleh : Haniza Abdul Latif

Foto : Mohammad Hasif Matzin, Ihsan Urus Setia Kontinjen Negara Brunei Darussalam ke Sukan SEA Ke-33

BANGKOK, THAILAND, Ahad, 14 Disember. - Atlet silat wanita negara, Dayang Nur Wasiqah Azieman Rosihan berjaya mara ke pusingan akhir bagi Acara Tunggal Wanita pada temasya Sukan Asia Tenggara (Sukan SEA) Ke-33, Bangkok, Thailand.

Dayang Nur Wasiqah Azieman Rosihan menewaskan peserta dari Republik Singapura, Insyirah Mohamed Nurin pada pusingan separuh akhir yang berlangsung baru-baru ini di Impact Forum Hall 4, Bangkok.

Pada pusingan suku akhir yang diadakan di Impact Arena Muang Thong Thani, Nonthaburi itu, Negara Brunei Darussalam

(NBD) menewaskan atlet dari Myanmar, Hlaing Phoo Wai dengan keputusan NBD 9.930 mata, Myanmar 9.920 mata.

Sementara itu, dalam acara seni tunggal lelaki, atlet silat lelaki negara, Awang Muhd. Ali Saifullah Abdullah Md. Suhaimi gagal untuk meneruskan ke peringkat seterusnya setelah tewas kepada atlet dari Republik Indonesia, Suhaimi Syarief Hidayatullah, dengan keputusan Republik Indonesia 9.935 mata, NBD 9.895 mata.

Manakala dalam Acara Seni Regu Lelaki, Pasukan Silat NBD tewas kepada Pasukan Silat Republik Filipina dengan

keputusan Republik Filipina 9.930 mata, NBD 9.920 mata.

Menurut Jurulatih Pencak Silat, atlet silat wanita negara telah mempamerkan mutu permainan yang sangat baik dan berjaya memasuki peringkat separuh akhir yang akan bertemu dengan pesilat dari Republik Singapura.

Bagi atlet silat lelaki negara pula jelasnya, beliau sudah mempamerkan yang terbaik, walau bagaimana pun atlet ada beberapa peragaan yang kurang keseimbangan yang membuat ada go yang sedikit tetapi dari segi stamina dan kemantap, gerakan atlet boleh bersaing dengan baik cuma perlu dipertajamkan lagi pada masa akan datang.

Menyentuh mengenai pasukan silat negara bagi Acara Seni Regu Lelaki, Jurulatih Pencak Silat



DAYANG Nur Wasiqah Azieman Rosihan semasa Acara Tunggal Wanita pada temasya Sukan Asia Tenggara (Sukan SEA) Ke-33.

mengongsikan, mereka sudah mempamerkan yang terbaik dari segi permainan, stamina dan

kemantapan gerakan NBD lebih menguasai cuma keputusan tidak berpihak kepada mereka.

BERITA-BERITA HARIAN BOLEH DIKUTI DI LAMAN SESAWANG : www.pelitabrunei.gov.bn

MARILAH HIDUPKAN BUDAYA, ILMU SEBAGAI AMALAN HARIAN KELUARGA DAN MASYARAKAT